

PERANAN KESUSASTERAAN MELAYU DALAM  
BIDANG PENDIDIKAN

NORSAZLIYANA BINTI MOHAMED YUSOF

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

2022



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**PERANAN KESUSASTERAAN MELAYU DALAM  
BIDANG PENDIDIKAN**

**NORSAZLIYANA BINTI MOHAMED YUSOF**

**TESISINI DIKEMUKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**FEBRUARI 2022**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.


**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)


**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_


**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi" 1972)


**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajaran sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

*sazliyana*

Norsazliyana Binti Mohamed  
Yusof

Nombor Kad Pengenalan:

991103107186

Tarikh: 26/2/2022

Tandatangan Penyelia Utama

Nama Penyelia Utama: SITI NUR  
ANIS BINTI MUHAMMAD APANDI

Tarikh:

**ISI KANDUNGAN**

<b>BAB 1</b> .....	1
PENGENALAN .....	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN .....	1
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN .....	4
1.4 PERSOALAN KAJIAN .....	7
1.5 OBJEKTIF KAJIAN .....	8
1.6 DEFINISI KONSEP .....	9
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN .....	11
1.8 SKOP & BATASAN KAJIAN .....	12
1.9 METODOLOGI KAJIAN .....	13
2.0 KESIMPULAN .....	14
<b>BAB 2</b> .....	15
SOROTAN KAJIAN .....	29
<b>BAB 3</b> .....	27
3.1 PENDAHULUAN .....	27
3.2 METODOLOGI KAJIAN .....	27
3.3 PENDEKATAN KAJIAN .....	31
3.4 REKA BENTUK KAJIAN .....	34
3.5 KERANGKA KONSEPTUAL .....	34
3.6 KETERANGAN KERANGKA KONSEPTUAL .....	35
3.7 KESIMPULAN .....	35
<b>BAB 4</b> .....	36
4.0 PENGENALAN .....	36
4.1 Unsur pendidikan kemasyarakatan .....	37
4.2 Unsur pendidikan melalui konflik .....	38
4.3 unsur pendidikan melalui nilai dan pengajaran .....	39
4.4 ANALISIS UNSUR PENDIDIKAN KEMASYARAKATAN .....	42
4.5 ANALISIS UNSUR PENDIDIKAN KONFLIK MELALUI .....	45
4.6 ANALISIS NILAI DAN PENGAJARAN CORAK PENULISAN PENGKARYA .....	46
4.7 KESIMPULAN .....	47
<b>BAB 5</b> .....	48
5.0 RUMUSAN .....	49
5.1 CADANGAN .....	51
5.2 PENUTUP .....	52
RUJUKAN .....	53

## ABSTRAK

Kajian ini dilakukan untuk meninjau kesesuaian beberapa karya sastera untuk dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam institusi pendidikan. Di samping itu, kajian ini berusaha memperlihatkan unsur-unsur pendidikan yang sesuai yang terdapat di dalam dua karya terpilih. Pengkaji menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci bagi menjalankan kajian ini dengan menyelaraskan penggunaan ketiga-tiga prinsip yang wujud di dalam teori untuk di aplikasikan di dalam karya. Tiga prinsip yang digunakan ialah prinsip kesan, prinsip kepengarangan dan prinsip pemilihan kata. Kajian ini juga memperlihatkan kebaikan menggunakan dan memilih karya sastera yang bersesuaian dengan pendidikan bagi melihat kesan yang boleh diperolehi oleh pembaca melalui karya yang bersesuaian dalam pembangunan bahasa di dalam diri mereka.

Kata Kunci: Unsur pendidikan, Teori Konseptual Kata Kunci, Pembangunan bahasa, Prinsip kesan, Prinsip kepengarangan dan Prinsip pemilihan kata.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

Bahagian ini adalah sebahagian skop projek penyelidikan kajian yang mengandungi latar belakang kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Kajian ini akan melihat bagaimana pembangunan bahasa dapat dijaga dan diketahui oleh umum agar masyarakat dapat cakna tentang kepentingan peranan Kesusasteraan Melayu dalam pembangunan bahasa. Adapun kajian ini akan diterapkan melalui bidang pendidikan, hal ini kerana melalui pendidikan masyarakat dapat kenal apa itu bidang Kesusasteraan Melayu.

### 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penggunaan bahasa dalam kalangan golongan anak muda pada masa kini amat membimbangkan, hal ini kerana kurangnya pendedahan dan sifat cakna daripada ahli keluarga tentang pendidikan anak-anak. Oleh hal yang demikian, pendidikan amat penting bagi menangkis sifat golongan muda yang kian merunsingkan ini. Umum mengetahui bahawa pendidikan yang terbaik adalah bermula daripada rumah iaitu mempunyai ahli keluarga yang peka dan bijak mengawal anak-anak daripada segi tingkah laku mahupun pertuturan. Selain itu, sebagai satu kewajaran sekolah sebagai tempat untuk melahirkan generasi yang terbaik untuk masa hadapan. Penggunaan bahasa pasar mahupun bahasa yang kasar dalam rutin kehidupan menjadi sedikit sukar golongan muda untuk mempelajari dan menerapkan penggunaan bahasa yang penuh adab dan sopan dalam sahsiah diri.

Bagi mendepani masalah seperti ini, pihak bertanggungjawab seperti guru-guru di sekolah perlu mencari kaedah yang sesuai agar golongan muda mempunyai sahsiah diri yang baik dan pertuturan yang melambangkan bangsa Melayu yang kaya dengan

bahasa yang sopan. Shahnon Ahmad ( 1991) menjelaskan bahawa kesusasteraan mampu mencorak peribadi seseorang. Salah satu cara bagi memastikan sahsiah golongan muda terjamin adalah dengan menjadikan pelbagai karya sastera yang diiktiraf dijadikan sebagai sebahagian bahan pendidikan. Tujuan utama pengajaran kesusasteraan adalah untuk memastikan setiap pelajar mempelajari dan memahami unsur-unsur dan aspek-aspek yang ditekankan dalam subjek kesusasteraan. Seperti contoh menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai murni yang ditampilkan dalam kesusasteraan Melayu.

Seterusnya, dengan melibatkan karya-karya sastera yang berunsurkan pendidikan ia mampu memberi pendedahan kepada para pembaca tentang kepentingan peranan kesusasteraan Melayu dalam pendidikan. Umum mengetahui bahawa tidak semua karya sastera sesuai dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang pendidikan. Oleh hal yang demikian, dengan menganalisis beberapa karya sastera ia dapat melihat kesesuaian karya sastera yang telah ditulis oleh beberapa tokoh sastera. Pendidikan merupakan suatu bentuk yang mengajar manusia untuk menjadikan hidup lebih baik dan sempurna. Melalui pembacaan karya sastera yang bernilai yang penulis bertujuan bagi memberi pendidikan mengikut kesesuaian tema penulis dapat memberi pendedahan kepada pembaca untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan pendedahan dengan meluas. Masyarakat yang membaca akan dapat dilihat melalui kehidupan dan corak pemikirannya yang matang. Hal ini kerana, membaca dan terdedah dengan karya sastera yang berunsur pendidikan memberikan pendedahan kepada masyarakat dan mengurangkan pemikiran cetek daripada kalangan masyarakat yang pada kebiasaannya kurang ilmu pengetahuan mengenai cara kehidupan dan dalam berbahasa sesama masyarakat.

Lambakan karya penulisan daripada pelbagai tokoh sastera tidak menjamin sastera Melayu akan kekal sepanjang zaman. Dengan memasukkan karya sastera sebahagian daripada bahan pendidikan ia dapat menghidupkan semula sesuatu karya sastera. Kebanyakan golongan muda hanya tahu kewujudan sastera dalam bidang pendidikan namun tidak mengaplikasikan dalam kehidupan. Perkara yang membimbangkan adalah sahsiah golongan muda yang tidak dijaga dari kecil

mengakibatkan berlakunya percampuran bahasa pasar yang tidak indah dilihat oleh masyarakat dan berlakunya keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Fathin Ramli (2018) menyatakan bahawa pembacaan yang berterusan melalui penghasilan karya sastera kepada para pelajar mampu membuka mata pelajar untuk mengaplikasikan setiap nilai-nilai murni yang terdapat dalam karya sastera yang dihasilkan. Oleh hal yang demikian, dengan mempelajari dan menggunakan bahasa yang sopan yang telah dipelajari dapat membantu dalam meningkatkan pembangunan bahasa dalam diri golongan muda melalui bidang pendidikan.

Dengan mengkaji dan menggunakan beberapa perbendaharaan kata baharu yang di dapati dalam karya sastera, masyarakat dapat menilai dan menggunakan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan. Seperti contoh karya sastera Melayu mampu memberi gambaran kepada pembaca tentang sejarah kewujudan sastera Melayu yang melibatkan serantau dunia. Sejarah kewujudan sastera amat bernilai kerana masyarakat dahulu amat menyanjung penggunaan bahasa baku, berhemah dan penuh adab sopan. Ia mampu mengangkat martabat masyarakat Melayu yang mana telah berusaha keras untuk memastikan bahasa Melayu kekal dan tidak dijajah oleh pihak luar. Sastera Melayu menitik beratkan mengenai kesopanan dalam pertuturan dengan menggunakan bahasa yang indah seperti memasukkan unsur puisi tradisional dalam pertuturan. Antara contohnya pantun, puisi, teromba, seloka dan sebagainya.

Penggunaan bahasa yang baik mampu memberi kesan yang positif kepada mereka yang mendengar dan menggunakannya, hal ini kerana ia dapat membuktikan bahawa sastera Melayu dapat melahirkan masyarakat yang bijak pandai yang tahu untuk memartabatkan bahasa ibunda. Pembacaan yang berterusan mampu memberi pendidikan kepada masyarakat untuk mencintai dan mahir membina ayat dan menggunakan bahasa dengan penuh dramatis. Ia bermula dengan penulisan kreatif mahupun karangan yang diberikan oleh para guru bagi memastikan pelajarnya tidak ketandusan idea dan seni kata dalam menulis dan bertutur. Dengan latihan yang berkesan dan pembacaan yang menyeluruh dalam karya sastera, ia dapat melahirkan masyarakat yang pandai menggunakan semua perbendaharaan kata yang diperolehi untuk berfikiran kreatif dan kritis dalam membudayakan sastera Melayu dengan bertutur

dan menulis dengan baik.. Secara keseluruhannya ia mampu mengurangkan kerosakan sahsiah golongan muda dan masyarakat. Hal ini kerana, penggunaan bahasa yang baik dan indah dalam kehidupan mampu mengatur matlamat yang ingin dicapai oleh mereka.

Oleh hal yang demikian, pengkaji akan mengkaji dan memfokuskan selaras objektif yang ingin dicapai demi memastikan pembangunan bahasa dan bidang pendidikan dapat membantu memperluaskan peranan kesusasteraan Melayu dalam kalangan khalayak. Pengkaji akan menggunakan beberapa buah novel sebagai rujukan dalam menyiapkan kajian ini. Antaranya ialah novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri. Ketiga-tiga novel ini dipilih bagi melihat penyesuaian teori yang bakal digunakan oleh pengkaji bagi memastikan tujuan bagi menghasilkan kajian ini dapat dicapai

Teori yang digunakan oleh pengkaji adalah Teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohammad Mokhtar Hassan. Teori ini mempunyai 3 prinsip dalam melengkapkan sesuatu kajian. Pertama prinsip kepengaruan. Prinsip ini akan melibatkan pengetahuan mengenai latar belakang kehidupan seorang pengarang dalam menghasilkan sesuatu karya. Seterusnya ialah pemilihan kata, prinsip pemilihan kata akan menilai bagaimana seorang penulis menggunakan kata-kata yang sesuai mengikut tema karya yang ditulis, yang mana mampu menjadi satu kata kunci yang boleh diingati oleh para pembaca sebagai satu kepentingan yang utama bagi mengingatkan perjalanan seluruh cerita dalam karya novel. Akhir sekali ialah prinsip kesan. Prinsip ini amat penting dalam kajian ini kerana ia melibatkan pemerhatian dan penghayatan dalam memahami sesebuah karya. Hal ini kerana yang baik adalah karya yang mampu berinteraksi dengan pembaca dan dapat disampaikan dengan baik.

Maka, pengkaji akan menggunakan ketiga-tiga prinsip yang wujud dalam teori yang dipilih kerana ia bersesuaian dengan objektif yang dibina oleh pengkaji dengan menggunakan ketiga-tiga novel sebagai rujukan kajian.

### **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian memperlihatkan berkaitan peranan kesusasteraan Melayu dalam bidang pendidikan terhadap kehidupan masyarakat sebagai teras untuk mendidik dan

mempelajari subjek atau beberapa karya kesusasteraan Melayu dan mengamalkannya dengan baik. Masalah utama dalam kajian ini dilihat dari segi kurangnya pengetahuan dan sumber dalam menghasilkan kajian dalam kesusasteraan Melayu. Hal ini bermaksud tidak semua orang tahu untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu. Kebanyakan sumber atau rujukan karya sastera Melayu tidak kesemuanya diiktiraf dan mempunyai keasliannya 100%. Maka ia menjadi suatu permasalahan dalam membantu pelajar mahupun pembaca untuk menghargai Bahasa melalui karya-karya yang bernilai dan lebih dekat dengan menghasilkan suatu karya yang yang bermutu. Adapun karya baharu yang dihasilkan oleh penulis muda tidak banyak mampu untuk dinilai dan diiktiraf oleh para ahli sastera. Ia juga bertepatan dengan pernyataan A. Wahab Ali (2009) yang menyatakan bahawa terdapat kurangnya kesempatan untuk menampung karya-karya kreatif yang dihasilkan oleh generasi baru.

Selain itu, penglibatan masyarakat dan golongan muda dalam memelihara karya sastera tidak menyeluruh kehidupan sosial menjadi satu keterbatasan dalam memberi pengetahuan tentang kepentingan mempelajari subjek kesusasteraan Melayu. Pada era globalisasi ini kebanyakan golongan muda dan masyarakat cenderung menggunakan gajet sebagai keutamaan harian untuk bermain mahupun bekerja. Hal ini kerana karya-karya sastera yang berbentuk buku secara fizikal tidak dikenali dan digunakan oleh masyarakat. Oleh hal yang demikian berlakunya lambakan karya sastera yang bernilai yang tidak dapat diiktiraf oleh masyarakat sendiri. Umumnya penglibatan golongan muda dan masyarakat seharusnya diperluaskan dengan menggalakkan golongan ini untuk minat membaca sejak dari muda lagi agar tidak berlakunya golongan yang kurang ilmu pengetahuan dan tidak petah dalam bertutur akibat ketandusan pertbaharaan kata yang indah-indah dalam diri mereka. Namun begitu, ia tidak semua karya kesusasteraan Melayu tidak berbaloi untuk untuk dimiliki, malah dengan pembacaan dan pengetahuan yang menyeluruh tentang Kesusasteraan Melayu ini masyarakat dan golongan muda digalakkan untuk menghasilkan seni yang berasaskan kepada kajian sastera. Seperti contoh dalam teknologi terkini ini, sistem pengkhususan yang boleh diceburi oleh pelajar sastera ada seorang penggiat seni. Sama ada dari segi tarian, nyanyian, pelakon dan sebagainya.

Pada era globalisasi ini, mengalakkan para pelajar untuk minat dan menceburi bidang subjek kesusasteraan Melayu merupakan bukan perkara yang mudah. Hal ini kerana lambakan subjek kemahiran yang lebih ke arah mempelajari dengan bentuk yang lebih santai. Subjek kemahiran lebih memfokuskan kemahiran dan pelajar untuk menghasilkan sesuatu dengan tenaga kerja mereka sendiri. Kebanyakan pelajar berpedapat subjek atau bidang kemahiran mempunyai keuntungan dari segi tempoh waktu dan cara mereka belajar. Ia berbeza dengan subjek kesusasteraan Melayu di sekolah menengah yang hanya menjadikan buku sebagai panduan dalam pembelajaran. Oleh hal yang demikian, pihak Pendidikan dan masyarakat setempat perlu memberi pendedahan kepada pelajar untuk minat dan tahu kepentingan mempelajari kesusasteraan Melayu dengan lebih meluas. Tenaga pengajar dan pelajar memainkan peranan penting dengan mempelbagaikan cara pembelajaran subjek kesusasteraan Melayu ke arah abad-21.

UNIVERSITI  
[redacted]  
MALAYSIA  
[redacted]  
KELANTAN

#### 1.4 PERSOALAN KAJIAN

- 1) Apakah unsur pendidikan dan kepengarangan wujud dalam setiap karya sastera?.
- 2) Bagaimanakah unsur pendidikan dan kepengarangan mampu memberi pendedahan kepada pembaca?.
- 3) Adakah semua teks sastera bersesuaian dalam bidang pendidikan?.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Tiga objektif kajian ini ialah:

- 1) Mengenal Pasti unsur pendidikan dalam karya teks sastera.
- 2) Menganalisis unsur pendidikan dalam karya teks sastera
- 3) Menilai kesan kepengarangan di dalam karya sastera.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1.6 DEFINISI KONSEP.

### 1) Bahasa

Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam (1985:40) menyatakan bahawa bahasa merupakan alat perhubungan atau komunikasi. Ini menunjukkan bahawa bahasa merupakan perkara penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Hal ini kerana, bahasa Melayu merupakan bahasa ibunda yang mana menjadi bahasa utama dalam pertuturan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Oleh hal yang demikian, menjadi satu kemestian kepada rakyat Malaysia untuk melindungi bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu daripada terus dijajah oleh bahasa luar dengan memperbanyakkan cara yang berkesan agar bahasa Melayu dapat dikenalkan. Seperti contoh bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu mempunyai hubungan yang dekat kerana Kesusastraan Melayu banyak mengagungkan bahasa Melayu dengan melahirkan banyak karya agung yang baik nilainya sebagai lambang kemegahan orang Melayu.

Bahasa kebanyakannya berbentuk teks yang mana ia sebagai wacana dalam menyimpulkan setiap makna yang ingin disampaikan oleh masyarakat. Selain itu bahasa dipertanggungjawabkan untuk mengungkapkan setiap bentuk ucapan atau perbahasan bagi membuktikan fungsi suatu bahasa itu sendiri. Umum mengetahui bahawa, dengan bahasa masyarakat mampu mengeratkan hubungan antara masyarakat yang berbilang kaum. Suatu kerisauan kepada masyarakat apabila bahasa Melayu dijajah dengan kehadiran bahasa yang lain. Tambah meruncingkan lagi apabila bahasa dicampur adukkan dengan bahasa yang kesat oleh anak-anak muda sekarang dalam pertuturan mereka. Maka menjadi satu tanggungjawab masyarakat dan orang ramai untuk melindungi bahasa agar keasliannya tidak dirosakkan oleh cacian dan bahasa pasar yang diwujudkan oleh mereka yang tidak hormat dengan bahasa ibunda.

Michael Halliday (1973) menyatakan bahawa bahasa merupakan satu urutan dan pilihan tingkah laku yang bersesuaian dengan individu yang dikenali sebagai manusia bersosialisasi. Hal ini kerana hidup bersosial merupakan suatu perkara penting bagi

melangsungkan kehidupan. Dengan bahasa masyarakat mampu membentuk keluarga mereka sendiri. Kepelbagaiannya bahasa dialek juga menjadi suatu keistimewaan untuk mengeratkan hubungan. Hal ini kerana bahasa dialek lebih selesa digunakan masyarakat untuk berkomunikasi. Karya-karya agung juga mengangkat bahasa dialek sebagai salah satu asbab kewujudan kesusasteraan Melayu.

## 2) Kesusasteraan Melayu

Umum mengetahui bahawa Kesusasteraan Melayu merupakan salah satu unsur seni yang masih perlu dijaga sehingga sekarang. Hal ini kerana kewujudan Kesusasteraan Melayu merupakan lambang kepada keindahan bahasa. Kesusasteraan Melayu terbahagi kepada dua iaitu Kesusasteraan Melayu tradisional dan Kesusasteraan Melayu moden. Kesusasteraan Melayu tradisional memperlihatkan karya-karya sastera yang dihasilkan secara turun temurun seperti pantun, gurindam dan seloka, manakala Kesusasteraan Melayu moden lebih berbentuk naratif yang mana disampaikan melalui lisan dan tulisan. Oleh hal yang demikian, dapat difahami bahawa Kesusasteraan Melayu suatu bentuk seni yang wujud sebagai sebahagian budaya masyarakat, maka ia wajar untuk terjaga keasliannya agar anak muda tahu tentang kewujudan Kesusasteraan Melayu.

Selain itu juga, Kesusasteraan Melayu berperanan sebagai alat komunikasi. Hal ini kerana melalui karya-karya yang dihasilkan sama ada Kesusasteraan Melayu tradisional maupun moden, ia dapat memberi penjelasan kepada masyarakat cara bagaimana untuk bertindak dengan keadaan sekeliling dengan cara yang sopan. Kesusasteraan Melayu menerapkan kepada masyarakat nilai-nilai yang positif yang boleh dijadikan contoh untuk diterapkan di dalam kehidupan. Namun begitu, kebanjiran teknologi yang canggih mengakibatkan subjek atau bidang Kesusasteraan melayu sedikit malap. Hal ini kerana masyarakat menganggap Kesusasteraan Melayu agak ketinggalan zaman dan tidak sesuai dengan peredaran zaman. Maka dengan itu, bagi mempergiatkan lagi bidang Kesusasteraan Melayu masyarakat perlu bekerjasama memberi pendedahan dan pendidikan kepada orang muda tentang kepentingan mempelajari dan menceburi bidang Kesusasteraan Melayu.

## 1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

- 1) Menjadikan dan memperbanyakkan karya sastera sebagai bahan rujukan di institusi pendidikan.
- 2) Masyarakat mampu menggunakan bahasa dengan baik dan luas.
- 3) Memberi impak positif kepada negara dalam memakmurkan masyarakat bermula daripada kemahiran masyarakat yang kaya dengan cabang-cabang bahasa.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 1. 8 SKOP & BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan beberapa teks novel sastera yang terpilih, antaranya ialah novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri. Ketiga-tiga karya ini dipilih bagi menjawab segala persoalan di dalam kajian ini. Selain itu ia juga bersifat dominan bagi menjawab objektif daripada kajian ini. Aspek Pembangunan bahasa dan bidang pendidikan digunakan bagi memberi pendedahan dan pengajaran kepada para pelajar tentang perkaitan kesusastraan Melayu dan pembangunan bahasa.

Oleh hal yang demikian, kajian ini telah menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci bagi menganalisis karya. Teori Konseptual Kata Kunci digunakan kerana ia bersetujuan dengan tujuan kajian yang akan meneliti peranan penulis dalam menyampaikan pesanan melalui penghasilan karya. Melalui Teori Konseptual Kata Kunci, pengkaji akan menggunakan ketiga-tiga prinsip teori iaitu prinsip kepengaruan, prinsip pemilihan kata dan prinsip kesan. Melalui ketiga-tiga prinsip ini pengkaji akan mengemukakan beberapa contoh di dalam teks novel yang telah dipilih bagi memberi gambaran kepada para pembaca tentang nilai-nilai yang terdapat dalam karya.

## 1.9 METODOLOGI KAJIAN

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian berbentuk kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif dipilih kerana ia berketerpaduan dengan objektif dan tujuan pengkaji. Umum mengetahui bahawa kaedah kualitatif adalah berbentuk subjektif yang lebih banyak memerlukan pemerhatian, analisis dan temu bual daripada responden.

### 1) Kaedah Analisis Dokumen

Pengkaji akan mencari dan menggunakan beberapa buku, jurnal, dan artikel yang bersesuaian sebagai bahan rujukan untuk menyiapkan kajian ini dengan baik.

### 2) Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian akan melibatkan kajian secara berterusan dan melalui penglibatan. Hal ini kerana bagi memastikan pengkaji dapat melihat dan merasa sendiri subjek yang dikajinya. Dengan kaedah pemerhatian ia dapat memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama.

## 2.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya kajian ini adalah untuk memartabatkan penggunaan bahasa yang sopan dalam kalangan pelajar bagi membendung masalah sosial. Dengan adanya pembelajaran kesusasteraan di sekolah sejak dari peringkat awal ia mampu memberi pendedahan dan galakan kepada pelajar untuk menelusuri kepentingan mempelajari subjek ini dan mencemburi bidang ini. Bidang kesusasteraan pada masa kini amat ketinggalan berbanding dengan bidang yang lain. Oleh hal yang demikian subjek kesusasteraan wajar diperluaskan dan diselaraskan dalam pendidikan agar para pelajar minat untuk menceburi dalam bidang ilmu kesusasteraan kelak. Ia juga mampu melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah diri yang baik dan berketerampilan tinggi daripada orang luar. Hal ini kerana, lambakan karya kesusasteraan bukan sahaja tertumpu kepada mempelajari sejarah kesusasteraan namun ia dapat memperbanyakkan perbendaharaan kata dan bahasa dalam diri pelajar yang mana mampu memberi kelebihan kepada pelajar untuk memberi perbahasan dengan yakin kepada masyarakat kelak. Bahasa yang indah wajar dipulihara kerana ia melambangkan bangsa dan negara Malaysia.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi (2015) melalui kajian mereka yang bertajuk Kesusasteraan Melayu Tradisional Sebagai Wadah Komunikasi Massa : Suatu Analisis. Melalui pendekatan kajian pengkaji telah menggunakan pendekatan konseptual bagi menganalisis karya-karya kesusasteraan Melayu Tradisional berperanan sebagai alat komunikasi yang berkesan. Kajian ini menerangkan perkaitan atau permasalahan yang timbul dalam masyarakat Melayu dalam menjadikan bahasa sebagai alat komunikasi Massa. Berlaku peralihan zaman daripada zaman tradisional dan moden yang mana mempunyai kelainan tersendiri dalam menggunakan bahasa Melayu. Kesusasteraan Melayu Tradisional sebagai alat komunikasi amat dipersetujui oleh khalayak kerana setiap komunikasi yang dibahaskan oleh masyarakat mempunyai nilai pengajaran yang tersendiri kepada mereka. Disini dapat dilihat perbezaan antara pengkaji dan kajian yang bakal saya lakukan adalah dari segi penggunaan unsur-unsur dalam karya bagi menganalisis kajian. Kajian yang bakal dilakukan menggunakan beberapa buah novel bagi menjawab segala persoalan.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2017) kajian beliau bertajuk Program Kesusasteraan Melayu Di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan Dan Cabaran. Beliau membahaskan tentang perlaksanaan dan cabaran dalam tiga kursus Kesusasteraan Melayu yang di tawarkan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Malaya. Kursus Kesusasteraan Melayu dalam bidang merupakan kursus yang kurang mendapat perhatian oleh anak muda pada masa kini. Oleh hal yang demikian untuk mempertingkatkan sifat kreativiti dalam anak muda, kajian ini dilakukan untuk menambah baik proses pembelajaran. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini lebih tertumpu kepada mengkaji bahan-bahan kajian lepas berkaitan dengan kursus Kesusasteraan Melayu. Kursus Kesusasteraan Melayu dalam bidang Pendidikan melibatkan nilai komersial yang mampu dipelajari dan digunakan masa depan pelajar. Ia juga bagi memperlihatkan kemahiran pelajar dalam mengetahui ilmu Kesusasteraan Melayu dengan lebih mendalam ia dapat di buktikan bahawa bidang kesusasteraan tidak membosankan malah membantu dalam menambah kemahiran pelajar. Perbezaan dalam

kajian ini apabila pengkaji melihat aspek cabaran dalam membangunkan program Kesusasteraan di alam Universiti, manakala kajian yang bakal dilakukan akan melihat aspek bahasa melalui karya sastera dengan menggunakan kaedah Konseptual Kata Kunci sebagai kaedah pengkajian.

Chew Fong Peng (2009) melalui kajian beliau yang bertajuk Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan Kesannya berpendapat bahawa Subjek Kesusasteraan Melayu sebagai wadah yang berkesan untuk merapatkan hubungan rakyat Malaysia. Kajian ini telah menggunakan Teori Weiner (1965) sebagai rujukan dalam kerangka pendidikan. Pembelajaran sastera dalam kurikulum Bahasa Melayu mampu mengukuhkan pelajar untuk menelusuri pembacaan dengan pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional, sajak dan puisi tradisional. Dengan kepelbagaian genre dapat memberi penghayatan yang lebih kepada pelajar untuk menambahkan gaya bahasa dan menjadikan iktibar dalam hidup dengan lebih dekat. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa majoriti pelajar tidak gemar dalam membaca buku yang bergenre sastera dan ini mengakibatkan kecenderungan mereka untuk meminati dan mengetahui keistimewaan subjek Kesusasteraan Melayu merosot. Kajian ini berbeza dengan pengkaji dari segi penggunaan teori.

Seterusnya, melalui kajian Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Hj Wahid (2018) yang bertajuk Pendidikan Sastera Melayu Memperkuatkhan pembinaan karakter Pelajar. Kajian ini memperlihatkan berkaitan keupayaan Pendidikan Sastera Melayu untuk memperkuatkan karakter pelajar melalui teks komsas. Teori sosiologi telah digunakan dalam kajian ini bagi melihat pendekatan kehidupan pelajar seusai dengan teks komsas. Oleh hal yang demikian, dengan pendedahan yang pelbagai dalam teks komsas dapat mempengaruhi pelajar bahawa sastera adalah sebahagian daripada diri mereka. Kesusasteraan Melayu merupakan sumber dorongan kepada pelajar untuk memperkuuh sosial dan budaya dalam masyarakat. Pendekatan sosiologi dibuat untuk meneliti keupayaan teks komsas dapat membina karakter pelajar dan menilai kesan dalam mempelajari teks komsas dalam bidang pendidikan.

Dr. Nordiana Binti Ab Jabar (2017) menyatakan di dalam kajiannya yang bertajuk Pembinaan perwatakan pelajar dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS bahawa karya

sastera yang wujud mampu menampilkan watak dalam kehidupan seharian. Melalui perwatakan di dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS pelajar dapat mengaplikasikan setiap nilai yang dapat dipelajari dan digunakan untuk masa hadapan. Melalui empat elemen FPK yang terdapat di dalam karya ia mampu memberi pengajaran yang baik kepada pelajar untuk menjadikan contoh dan membentuk perwatakan yang baik. Selain itu, dengan kewujudan Puisi Tradisional Melayu dalam bidang pendidikan ia mampu menjadikan para pelajar mempunyai keupayaan dalam berfikiran secara kritis. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa empat elemen FPK yang wujud dapat membantu dalam menyampaikan ilmu Kesusasteraan Melayu dengan berkesan. Kajian ini dikatakan berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan kerana pengkaji memfokuskan kepada teori konseptual kata kunci.

Adapun Ani Binti Haji Omar dalam kajiannya yang bertajuk Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara telah melihat tiga aspek utama iaitu ketinggian daya intelek, kedua unsur rohani dan emosi seimbang menjana remaja cemerlang. Umum mengetahui bahawa sastera remaja mampu memberi pendedahan dan pengalaman kepada pembaca seperti pelajar untuk mengubah corak kehidupan ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana, kebanyakan penulisan teks sastera remaja adalah ke arah memberi sesuatu mesej dan pengajaran kepada pembaca. Karya sastera yang berunsurkan falsafah pendidikan sastera mampu membentuk emosi dan sahsiah remaja. Remaja adalah penyambung legasi sesebuah negara, oleh hal yang demikian masyarakat dan pihak yang bertanggungjawab perlu peka bagi melahirkan remaja yang berwibawa yang mempunyai daya intelek yang tinggi, unsur rohani dan emosi yang seimbang. Melalui karya sastera remaja. penulis harus memastikan setiap karya yang dihasilkan sesuai dan dapat menambahkan nilai-nilai kemanusiaan kepada remaja. Dapat dilihat bahawa teks sastera remaja wajar diperbanyakkan bagi memastikan pelajar dan remaja peka dan minat untuk mempelajari bidang Kesusasteraan Melayu. Perbezaan yang dilihat dalam kajian ini apabila pengkaji hanya memfokuskan karya teks sastera yang tertentu.

Seterusnya, Liza Wiwita di dalam kajiannya yang bertajuk Pembelajaran Sastra Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan Karakter Siswa. Kajian ini dibuat bagi

menjelaskan peranan sastera dalam pendidikan karakter dan kesan pendidikan melalui pembelajaran sastera. Metodologi kajian ini telah menggunakan Penelitian Tindakan Kelas (PTK) yang mana akan dalam menghasilkan kajian ini. Penelitian Tindakan Kelas terdiri daripada perancangan, tindakan, pengamatan dan refleksi proses ini wujud bagi memastikan proses penghasilan kajian ini berjalan lancar. Kajian ini akan meneliti keupayaan pembelajaran sastera terhadap pembentukan karakter. Hal ini kerana, pembelajaran sastera akan berkait rapat dengan pembentukan karakter pelajar. Karya sastera yang sarat dengan nilai-nilai murni dapat membantu untuk memberi panduan kepada karakter pelajar. Seterusnya, Peranan sastera dalam pembentukan pelajar. Terdapat pelbagai jenis karya sastera yang boleh dipelajari yang mana mampu meningkatkan idea-idea baharu kepada pelajar malah dapat mengaplikasikan karya sastera yang telah dipelajari menjadi sesuatu yang bernilai seperti contoh mengadaptasi novel kepada sebuah drama pementasan dan sebagainya.

Ani Omar, kajiannya yang bertajuk Nukilan Sajak Merdeka dalam Membangunkan Bahasa dan Budaya Bangsa melalui Pengajian Kesusteraan Melayu. Kajian ini telah menggunakan puisi-puisi yang bertajuk Nukilan Sajak Merdeka yang mengandungi 378 buah puisi di dalamnya. Pengisian yang terdapat di dalam antologi puisi ini antaranya lebih ke arah penghargaan kepada para pejuang tanah air, menyuarakan erti kemerdekaan, membicarakan soal bahasa dan sastera dan soal budaya dan bangsa masyarakat. Di dalam kajian ini dapat dilihat bahawa penyampaian antara sastera klasik dan moden merupakan wadah yang berbeza. Hal ini kerana, sastera klasik lebih membicarakan berkenaan isu politik, ekonomi dan sosial pada zaman dahulu berbanding dengan sastera moden yang lebih mengetengahkan usaha aspirasi negara dan perpaduan. Maka dengan itu masyarakat mampu lebih tertumpu kepada isu yang menyeluruh. Penghasilan karya yang berkesan amat digalakkan bagi menepis kegoyahan generasi muda pada masa kini akibat berlakunya arus pemodenan. Selain itu, kajian ini memperlihatkan beberapa buah sajak yang sesuai dan sejajar dengan objektif kajian ini untuk menumpukan berkaitan pembangunan bahasa dan bangsa. Dengan mempelajari puisi-puisi yang terdapat di dalam Nukilan Sajak Merdeka ini, pelajar berupaya untuk menanamkan sifat mulia dalam diri bahkan mengenali adat,

budaya dan jati diri bangsa orang Melayu. Kajian ini berbeza kerana ia lebih mementingkan sifat patriotik dan tidak melihat kepada keseluruhan kesan.

Seterusnya, Zamri Mahamod & Noor Syazwani Roni (2013), kajian yang bertajuk Tahap Kemahiran Generik Pelajar dalam Pembelajaran Kesusasteraan Melayu telah meneliti sejauh manakah kesan pembelajaran Kesusasteraan membantu dalam menambah sikap pelajar ke arah yang lebih baik. Kemahiran generik merupakan wadah dalam memperbaharui sikap pelajar dan memberi pengalaman baru yang dapat ditambah dalam diri pelajar. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan jumlah purata pelajar yang mengambil subjek Kesusasteraan Melayu di sekolah mereka. Oleh hal yang demikian, dapatan kajian dapat memperlihatkan beberapa kemahiran yang boleh didapati selepas mempelajari Kesusasteraan Melayu di sekolah. Kajian ini memperlihatkan bahawa bidang Kesusasteraan Melayu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri khususnya kepada para pelajar.

Mohd. Yusof Hj. Othman (2012) dalam kajiannya yang bertajuk Pengajian Melayu: Ke arah Memperkasakan Modal Insan membahasakan hubungan perkaitan antara bahasa Melayu dan pengajian Melayu. Bahasa Melayu menjadi teras kepada masyarakat dalam komunikasi seharian. Bahasa Melayu merupakan bahasa utama yang digunakan dalam masyarakat di negara Malaysia. Namun, pada era globalisasi ini bahasa Inggeris telah menjadi saingan dalam penggunaan bahasa. Hal ini kerana, generasi muda pada masa kini lebih mengikut arus pemodenan dan hidup dalam pelbagai bangsa dan masyarakat. Dengan wujudnya pengajian melayu yang terdiri daripada pembelajaran sastera, bahasa dan budaya Melayu dapat melindungi bahasa Melayu daripada dijajah oleh bahasa luar. Malah dengan wujudnya pengajian Melayu masyarakat dan generasi muda dapat melihat kelebihan tersendiri dan mampu berbangga dengan bahasa Melayu yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Ia mempunyai nilai dan kefahaman yang berbeza yang mana mampu meningkatkan potensi generasi muda untuk berfikiran kreatif dan kritis. Perbezaan yang dapat dilihat apabila kajian ini melihat hanya kepada aspek bahasa semata sahaja.

Subardah Nair (2006) kajiannya yang bertajuk Keberkesanan Model Skema Bagi meningkatkan Kefahaman dan Minat Pelajar Terhadap Cerpen Bahasa Melayu. Pengkaji

telah menggunakan teori skema bagi membantu pelajar memahami isi dalam cerpen. Teks KOMSAS diperlukan dalam pembelajaran bagi membantu pelajar mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman terhadap teks sastera. Selaras dengan teori skema terdapat tiga proses dalam mengendalikan teori skema dalam pembelajaran teks sastera. Pertama guru memberi pendedahan kepada pelajar, kedua pelajar dilatih untuk mengasah skema sastera yang telah dipelajari untuk digunakan dalam cerpen dan terakhir pelajar bertanggungjawab untuk membuat latihan sama ada secara bertulis dan lisan bagi mengukuhkan ilmu yang dipelajari. Kajian ini dilihat berbeza kerana ia memperlihatkan keberkesanannya skema pengajaran berbanding melihat kepada minat pelajar.

Adapun Naffi Mat (2012) kajiannya yang bertajuk Menciptakan Daya Magnetisme dalam Pengajaran Bahasa: Penerapan pada Teks Sastera. Pengkaji melihat terhadap corak pengajaran dan pembelajaran yang wujud dalam pendidikan. Kesusasteraan Melayu merupakan bidang yang dianggap membosankan bagi generasi kini. Oleh hal yang demikian, para guru perlu mengambil langkah yang drastik bagi memastikan pelajar cenderung meminati bidang ini. Daya magnetism merupakan teknik tarikan dalam pengajaran. Para guru perlu memperbaharui corak pembelajaran dan memastikan memilih komponen teks sastera yang mampu menarik minat pelajar untuk mempelajarinya. Kesusasteraan Melayu bukan sahaja berbentuk pembacaan seperti yang selalu diperkatakan masyarakat. Namun ia boleh dipelbagaikan dengan mengadaptasi sesbuah teks novel kepada bentuk drama dan pementasan. Hal ini bergantung kepada para guru dalam mengirak strategi dalam daya magnetism terhadap pelajar.

Chew Fong Peng (2006) di dalam kajiannya yang bertajuk Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. Pengkaji mengaitkan negara bangsa sebagai kepelbagaian bahasa, budaya dan bangsa. Kesusasteraan Melayu selalu dikaitkan dengan pembelajaran hanya untuk bangsa Melayu. Namun jika dilihat di sekolah harian yang mempunyai kepelbagaian bangsa dapat dilihat karya sastera yang berbentuk bebas diperkenalkan kepada para pelajar. Selain itu juga nilai-nilai murni yang diterapkan mempunyai keistimewaan yang tersendiri seperti melibatkan keharmonian bangsa dan

negara. Kajian ini memperlihatkan perbezaan apabila memperjelaskan pengukuhan bangsa dan melihat kepada nilai-nilai yang wujud berbanding kepada karya sastera.

Heddy Shri Ahimsa (2009) menerusi kajiannya yang bertajuk Bahasa, Sastra dan Kearifan Lokal Di Indonesia dapat dilihat bahawa pengkaji ingin membahaskan berkenaan masyarakat Indonesia yang amat menghargai bahasa. Ia dapat dilihat melalui penggunaan dialek-dialek masyarakat Indonesia yang masih kekal sehingga kini kerana masih diturunkan oleh generasi muda sendiri. Walaupun bahasa tradisional seperti Jawa dianggap kuno, namun bahasa tersebut masih relevan penggunaannya sehingga kini. Kearifan lokal dapat dilihat melalui penekanan tempat, lokalitas dan kearifan menggunakan bahasa. Kajian ini menunjukkan bahawa tanpa usaha yang pesat daripada generasi lama untuk mengekalkan sesuatu budaya dan bahasa ia tidak akan mungkin masyarakat luar boleh menerima dan saling menghormati penggunaan bahasa daripada masyarakat masing-masing

Seterusnya di dalam kajian Maisarah Binti Yaacob (2017) yang bertajuk Unsur Tarbiah Dalam Novel Komsas. Seperti yang dilihat daripada tajuk, kajian ini mengkaji beberapa unsur tarbiah yang terdapat di dalam 19 buah novel KOMSAS. Kajian ini juga menggunakan tujuh prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah bagi melihat perkaitan antara unsur tarbiah yang terdapat di dalam novel Komsas. Justeru itu, novel yang dipilih akan dilihat mengikut kesesuaian teori yang digunakan bagi memastikan para pelajar berminat untuk mempelajari dan membaca karya sastera. Pengkarya yang bijak mampu menghasilkan karya yang berkualiti selaras dengan kehendak pilihan para pelajar. Menerusi Teori Takmilah, novel yang dipilih lebih berunsur kepada ketauhidan kepada ALLAH bagi memastikan konsep Teori Takmilah dapat dicapai. Oleh hal yang demikian peranan pelajar sebagai pelajar yang berakhhlak mulia, mempunyai pemikiran yang berteraskan agama Islam dapat dicapai. Pembacaan dan kajian yang berterusan dalam bidang kesusteraan melalui karya-karya yang terpilih dapat menambah sifat tarbiyah dan kepimpinan dalam diri pelajar. Kajian ini menunjukkan sedikit perbezaan apabila pengkaji menggunakan unsur tarbiah dan semestinya memilih teks sastera bergenre islamik.

Siti Khariah Binti Mohd Zubir kajiannya yang bertajuk Pemilihan Buku Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Berasaskan Teori Sosial. Kajian ini dibuat kerana secara umumnya masyarakat dan para pelajar pada masa kini terlalu memandang rendah terhadap bidang Kesusasteraan Melayu dan menganggap bahawa bidang ini agak rumit kerana memerlukan sifat ketekunan yang tinggi bagi membaca beberapa buah buku khususnya di tingkatan empat dan lima. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan meninjau kriteria yang sesuai bagi memenuhi kehendak pilihan pelajar dan pendidikan. Melihat kepada teori sosiologi daripada Augustus Comte menyatakan kesusasteraan sesuatu yang berkait rapat dengan masyarakat. Sebagai pihak yang bertanggungjawab seperti guru, ibu bapa dan pihak berwajib mereka perlu memastikan bahawa teks yang digunakan dalam pembelajaran adalah teks yang berkualiti dan menepati piawaian pendidikan. Di dalam pemilihan buku teks kesusasteraan berdasarkan teori sosiologi ini, pengkaji menyimpulkan lima kriteria yang relevan untuk digunakan bagi memilih buku teks antaranya minat, kesesuaian konteks dalam teks, wacana, kepelbagaian isu dan menjana pemikiran kritis. Perbezaan yang dilihat dalam kajian ini, pengkaji menilai kesesuaian teks sastera dalam bidang pendidikan dan menggunakan teori yang berbeza.

Cynthia Layah Geraman dan Azhar Wahid (2019) telah mengkaji ‘Prinsip pembelajaran mentalis dalam pengajaran dan pembelajaran teks Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah’ sebagai tajuk kajian ini. Di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teks Kesusasteraan Melayu pelajar iaitu novel Saudagar Besar dari Kuala Lumpur dan Naratif Ogonshoto bagi menganalisis teori mentalis di dalam novel-novel tersebut. Seterusnya, melalui kajian ini pengkaji dapat melihat dan memberi peluang kepada para pendidik untuk mempelbagaikan cara pembelajaran Kesusasteraan Melayu dalam bidang pendidikan. Hal ini kerana teori mentalis dapat mempengaruhi pelajar dari segi emosi dan mental dengan menghadirkan karya teks Kesusasteraan Melayu yang bersesuaian. Kepelbagaian corak pembelajaran dapat meningkatkan minat para pelajar di semua sekolah untuk menceburi bidang Kesusasteraan Melayu dengan lebih ramai. Kaedah kajian ini adalah kaedah kualitatif yang mana akan meneliti dengan membuat kajian secara menyeluruh kepada pelajar. Dengan keputusan daripada para pelajar ia dapat membantu pengkaji untuk menentukan kajian pengkaji berhasil menepati objektif

yang dilakukan mahupun tidak. Dapat dilihat kajian ini berbeza kerana pengkaji menggunakan teori konseptual kata kunci sebagai rujukan kajian.

Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2019), tajuk kajian pengkaji adalah Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis unsur sains dan sastera yang terdapat di dalam novel. Umum mengatakan bahawa kebanyakan novel remaja yang berunsur sains dan sastera tidak memberikan fakta yang benar dalam menghasilkan karya. Selain itu, kajian ini menggunakan teori Sistem Pemikiran Bersepada (SPB4K) bagi menganalisis beberapa novel remaja terpilih. Novel remaja merujuk kepada karya sastera yang bertepatan dengan keperihalan remaja, penglibatan karya sastera seperti novel remaja ini amat membantu dalam meningkatkan sahsiah pelajar. Novel remaja lebih bersifat bebas yang menunjukkan unsur-unsur yang bersifat saspens seperti dunia detektif. Oleh hal yang demikian, kajian ini melihat kepada dua unsur yang utama yang wujud di dalam beberapa novel remaja yang terpilih iaitu unsur sains dan unsur sastera. Dua novel remaja terpilih yang digunakan di dalam kajian ini ialah novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya dan *Di Sebalik Dinara* (2012) karya Dayang Noor. Novel-novel remaja sebegini juga amat digalakkan untuk para pelajar baca dan hayati, hal ini kerana kebolehan pengarang dalam memberi nilai murni yang sesuai berpandukan tema novel dapat memberi kelainan kepada pelajar dalam bidang Kesusasteraan Melayu. Dapat dilihat perbezaan yang dibawa oleh pengkaji kajian ini adalah pengkaji ingin menunjukkan kebenaran berkenaan kewujudan unsur sains dan sastera dalam teks.

Siti Khariah Mohd. Zubir melalui tajuk kajiannya yang bertajuk Bahasa Melayu dan Sastera Mempunyai Hubungan Simbiosis dalam Membina Jati Diri Generasi Moden membincangkan berkenaan pertalian antara bahasa dan sastera yang mana ia mampu menjadi sebahagian asbab untuk generasi muda bersifat ke arah yang lebih baik melalui kewujudan karya sastera. Umum mengetahui bahasa Melayu berperanan sebagai alat bahasa dalam kehidupan seharian, namun begitu tanpa penggunaan ilmu kesusasteraan sesuatu bahasa itu kan menjadi bahasa yang kaku. Dengan pengamatan melalui simbiosis bahasa Melayu dan sastera ia dapat dilihat bahawa setiap satunya mempunyai peranan dan perkaitan rapat antara satu sama lain. Hal ini kerana bagi menyempurnakan

sesuatu bahasa dengan susunan yang baik dan bersopan santun penggunaan ilmu kesusasteraan Melayu amat diperlukan bagi memastikan hasil yang terbaik yang mana apabila ia disampaikan ia khalayak dapat melihat dan merasai perkaitan antara dua perkara ini.

Seterusnya Noraini Ibrahim dan Ani Omar di dalam kajiannya yang bertajuk Analisis pengarang dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Karya Abdul Latip Bin Talib telah meneliti berkaitan kaedah pengarang dalam menghasilkan karya ini. Melalui penghasilan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Bin Talib pengarang telah memaparkan unsur yang berasaskan pengalaman pengarang mahupun masyarakat. Oleh itu, bagi menganalisis unsur ini, pengkaji telah menggunakan teori tempatan iaitu Teori Sistem Bersepadu 4k atau Teori SPBK bagi menyelaraskan kajian yang dilakukan. Selain itu, novel dan Teknik yang digunakan pengarang bagi menghasilkan novel merupakan Teknik yang wajar yang mana mampu memberi pembelajaran kepada remaja untuk meneliti dan menghayati isi yang ingin disampaikan pengarang. Umum mengetahui bahawa, setiap karya sastera mempunyai nilai murni yang tersendiri berpandukan tema novel. Novel yang berpendidikan dapat mengembalikan semangat patriotik, tanggungjawab dan disiplin dalam setiap golongan pelajar. Maka novel-novel remaja yang berkualiti wajar di masukkan dalam arus pendidikan bagi membangunkan sahsiah pelajar dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan penggunaan bahasa yang berkesan dalam diri. Kajian ini berbeza kerana pengkaji menilai aspek pembangunan bahasa terhadap pelajar.

Sara Beden (2016) kajiannya yang bertajuk Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. Kajian ini dibuat bagi melihat keupayaan teks sastera mempengaruhi bahasa setiap individu seperti pelajar dalam komunikasi seharian. Oleh hal yang demikian, kajian ini menggunakan kombinasi Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU) bagi menilai kajian yang diperolehi. Selain itu, pengkaji menggunakan teks KOMSAS iaitu novel *Melunas Rindu* karya Hartini (2009) bagi menganalisis komponen dialog yang selaras dengan teori yang diaplikasikan. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan lebih tertumpu melihat kepada dialog yang digunakan penulis dalam menghasilkan novel ini. Hal ini kerana, generasi muda pada masa kini tidak

mementingkan unsur kesopanan dalam berkomunikasi. Penggunaan komunikasi yang rojak lebih dititikberatkan oleh generasi muda, hal ini amat membimbangkan kerana ia akan menyebabkan kerosakan akhlak dan kehilangan kesopanan dalam diri pelajar. Maka kajian ini akan dapat melihat berkenaan keupayaan penulis untuk menarik minat generasi muda dengan memulakan perhatian melalui persekolahan.

Selain itu, Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Siti Hamira Hamzani & Rohaya Md. Ali (2018) di dalam kajiannya yang bertajuk Fenomena Kesantunan Bahasa Dalam Novel Lentera Mustika memperlihatkan aspek kesantunan dalam novel *Lentera Mustika* karya Nisa Harun (2009). Pengkaji menganalisis aspek kesantunan dan menerangkan kaedah yang diaplikasikan di dalam novel ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji bertanggungjawab untuk mengkaji gaya penulisan penulis untuk melihat sama ada novel yang dipilih sesuai dengan konsep pengkaji. Lambakan novel pada era globalisasi ini, memperlihatkan kemunculan pelbagai tema novel diterapkan oleh para penulis. Oleh itu, bagi memastikan generasi muda pada masa kini meminati Kesusastraan Melayu. Para penulis perlu mengkhususkan tema yang bersesuaian buat generasi muda. Kajian ini telah menggunakan teori kesantunan Leech tetapi di khususkan lebih kepada maksim santun.

Siti Rukiyah (2019), beliau menghasilkan kajian yang bertajuk Pandangan Moral Andrea Hirata Dalam Novel Laskar Pelangi bagi menelusuri pembahasan berkaitan moral oleh Andrea Hirata dalam Novel Laskar pelangi. Kajian ini akan menggunakan strukturalisme genetik untuk dijadikan rujukan dalam menganalisis pandangan moral. Moral merupakan satu nasihat mahupun pesanan yang disampaikan penulis melalui jalan cerita di dalam novel. Oleh hal yang demikian pembaca bertanggungjawab untuk membaca dan memahami penyampaian yang ingin disampaikan penulis melalui karya yang dihasilkan. Penulisan novel merupakan penulisan berkenaan sama ada pengalaman pembaca mahupun keadaan masyarakat yang wujud dalam kehidupan. Teori strukturalisme genetic memperlihatkan dua unsur yang wujud dalam karya iaitu unsur intrinsik dan ekstrinsik. Kajian ini berbeza kerana pengkaji memfokuskan peranan sastera dalam pembangunan bahasa.

Adapun Nor Asma Ab Aziz (2016) dalam kajiannya yang bertajuk Akhlak Pemimpin Dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. Kajian ini memperlihatkan akhlak seorang pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain iaitu pemimpin Iskandar Zulkarnain. Pengkaji telah menggunakan teori pendekatan adab yang diperkenalkan oleh Syed Naquib Al-Attas. Di dalam pembelajaran Kesusasteraan terdapat dua jenis karya iaitu karya barat dan Islam. Kajian ini mengkhususkan karya sastera Islam bagi memperlihatkan adab yang dibawa oleh watak pemimpin Iskandar Zulkarnain di dalam karya ini. Empat prinsip dalam pendekatan adab ialah ilmu, kebijaksanaan, keadilan dan amal ihsan. Kepimpinan bukan hanya memerlukan ilmu malah memerlukan aspek lain bagi menyempurnakan tanggungjawab dengan adil. Dengan memperkenalkan karya sastera Islam ini kepada generasi muda ia dapat mempelbagaikan genre yang dibaca dan nilai yang berkesan buat diri mereka. Nilai-nilai murni yang diterapkan mempunyai perkaitan kepada mengikut syariat Allah sama ada dari segi keadilan, ihsan dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, karya Islam juga amat digalakkan untuk digunakan dalam bidang pendidikan khususnya di sekolah. Perbezaan yang dapat dilihat apabila kajian ini hanya berfokuskan karya sastera Islam sahaja.

Baharum, H., Zakaria, N., Hamzah, N., & Mohamad, A. (2018). Pendidikan kepelbagaian budaya dalam sejambak bakti. *Jurnal Melayu Sedunia*. Pengkaji menggunakan novel *Sejambak Bakti* karya Rejab F.I untuk menilai kesesuaian pendidikan kepelbagaian budaya yang ditunjuk oleh penulis dalam karya novelnya. Kepelbagaian budaya telah banyak diperkatakan kerana wujudnya pelbagai budaya dan masyarakat dalam kehidupan seharian. Oleh hal yang demikian pendidikan kepelbagaian budaya yang diterapkan dalam novel *Sejambak Bunga* untuk belajar menghargai dan menghormati sesama budaya dan tradisi masyarakat lain. Pengkaji telah menggunakan teori struktural untuk menganalisis nilai pendidikan kepelbagaian budaya. Penulis novel telah menggunakan cara tersendiri dengan menyatakan sifat saling bantu-membantu, hormat menghormati antara kaum lain dan sebagainya. Maka novel kesusasteraan seperti ini amat sesuai untuk diiktiraf dalam bidang pendidikan. Hal ini kerana, ia memberi kesan yang positif kepada pelajar untuk mempelajari dan mencontohnya. Perbezaan yang ketara apabila pengkaji hanya memfokuskan aspek budaya berbanding bahasa.

Kamariah Kamarudin (2014) kajiannya yang bertajuk Tarbiah Remaja Dalam Novel Kasih Nan Agung Dan Impuls/Roh Karya Sri Rahayu Mohd Yusop membincangkan berkaitan novel remaja yang berteraskan ajaran Islam dalam konsep tarbiah. Oleh hal yang demikian, penggunaan dua novel ini dapat mengeluarkan nilai pendidikan daripada sudut tarbiah. Ini akan memberi pendedahan kepada pembaca untuk tidak cenderung memiliki koleksi bacaan yang berbentuk bebas semata-mata. Bahkan dengan penghasilan karya Islamik, ia juga mampu memberi nilai-nilai murni yang tersendiri dalam pendidikan. Justeru melalui kajian ini, kelainan yang dilihat adalah dengan penggunaan novel yang bergenre islamik dalam menarik minat pembaca untuk mendalami isi karya yang dihasilkan.

Seterusnya, Mohammad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari (2017) dalam kajiannya yang bertajuk Konsep Perjuangan Anwar Ridhwan Dalam Novel Penyeberang Sempadan memperlihatkan pengkaji menganalisis konsep Anwar Ridhwan dalam Novel *Penyeberang Sempadan* dengan menggunakan teori Konseptual Kata kunci dalam kajiannya. Di dalam novel ini pengkaji menitikberatkan konsep ekstrinsik dan intrinsik dalam karyanya yang mana ia mampu memberi pengalaman kepada pembaca untuk menelusuri mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. Kajian ini juga mempengaruhi pembaca untuk menjadi manusia yang bertauladan dan bijak dalam menorak langkah. Watak dan dialog yang diterapkan di dalam novel kajian ini memperlihatkan bahawa perjuangan merupakan pengorbanan, perjuangan adalah penderitaan dan sebagainya. Berbeza dengan kajian yang dilakukan kerana pengkaji kajian ini memfokuskan aspek kepengarangan sahaja dalam karya.

Adapun Abdul Halim Ali (2014) telah mengkaji konsep estetika berpandukan tajuk kajiannya iaitu konsep Estetika Bersepadu : Satu Kaedah Baharu Kaedah Kritik Estetik Dalam Kesusteraan Melayu. Konsep keindahan telah lama wujud dalam Kesusteraan Melayu sama ada keindahan dari segi bahasa, seni dan bentuk penyampaian. Kajian ini memperlihatkan kritik estetik dalam kesusteraan Melayu, hal ini kerana Kesusteraan Melayu Tradisional mempunyai konsep yang tersendiri yang dibawa oleh tokoh-tokohnya. Namun kajian ini juga menjelaskan pandangan baharu yang

wujud yang mana kesusasteraan Melayu dapat menerima beberapa pandangan barat mengikut kesesuaian karya yang digunakan.

Muhammad Akbal (2017) kajiannya yang bertajuk Pendidikan Kewarganegaraan Dalam Pembangunan Karakter Bangsa menjelaskan aplikasi teori konseptual kata kunci dalam melihat kesan kepada pembangunan karakter bangsa. Pendidikan kewarganegaraan merupakan pendidikan yang menyeluruh yang mana meliputi pendidikan politik, nilai moral dan kebangsaan. Maka pengkaji telah memilih teori konseptual kata kunci bagi melihat sama ada nilai-nilai moral dalam pendidikan mampu memberi pengajaran kepada masyarakat untuk memiliki semangat kebangsaan.

Azhar Hj. Wahid & Abdul Ghani Hj. Abu (2015) kajian mereka yang bertajuk Membina Kritikan Sastera Melayu Dalam Jalur Pascamodernisme. Kajian ini membahaskan berkaitan dengan perkembangan kritikan sastera dalam era pascamodenisme. Umum mengetahui bahawa kritikan sastera merupakan kaedah dalam menghasilkan sesuatu karya sastera. Pada masa dahulu kritikan sastera di anggap tidak mempunyai makna yang tinggi, yang tertumpu kepada sejarah Melayu. Namun pertumbuhan era yang pesat menyebabkan kritikan dikenali ramai seperti contoh teori konseptual kata kunci. Melalui penghasilan karya pula, kita dapat bahawa penulis memerlukan prinsip yang kukuh dan bermutu bagi menghasilkan sesuatu karya. Hal ini kerana, melalui karya sastera yang bermutu pembaca dapat menilai dan mengkritik sesuatu karya bagi mendapatkan tindak balas yang menarik daripada pembaca.

Selain itu, Mohammad Fadzeli Jaafar dalam kajiannya yang bertajuk Aspek Gaya Bahasa dalam Teks Sastera Melayu Berunsur Islam. Pengkaji menggunakan karya Hasanuddin Bin Md. Isa yang bertajuk *Mereka yang Tertewas*. Kajian ini memperlihatkan penggunaan gaya bahasa dan konsep yang digunakan penulis. Hubungan linguistik amat berkait dengan teks, mesej dan kesan yang dihasilkan oleh penulis bagi memastikan pembaca memahami setiap makna yang ingin disampaikan oleh penulis.

Kajian Noor Hazwany Haji Arifin & Salmah Jan Noor Muhammad (2019) yang bertajuk Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepada. Membincangkan berkenaan nilai estetika yang wujud dalam novel *Siber Kasih Darmia* bagi meneliti pemikiran dan penerapan nilai estetika yang digunakan oleh

pengkaji. Kajian ini juga menerapkan konsep sandaran kepada keindahan perutusan bergama. Ia menyingkap persoalan yang ditampilkan oleh pengkaji dalam karya sastera siber. Aspek teori estetika bersepadu dipecahkan kepada dua kelompok iaitu melihat keindahan dalaman dan keindahan luaran yang wujud dalam karya. Perbezaan yang dapat dilihat melalui kajian ini ialah, pengkaji menggunakan teori estetika bersepadu sebagai panduan dan mempunyai genre novel yang berbeza digunakan.

Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul (2015) kajian mereka yang bertajuk Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepimpinan dalam Novel Shahnon Ahmad dapat dilihat berkaitan dengan permasalahan dalam dunia politik. Pengkaji telah menggunakan novel Shit dan Patriarch karya Shahnon Ahmad bagi menganalisis kandungan teks. Oleh hal yang demikian, pengkaji dapat memperlihatkan tujuan utama penghasilan novel-novel ini lebih kepada membuktikan cara hidup seseorang pemimpin dalam mengendalikan sesebuah organisasi. Kajian berbeza kerana ia lebih cenderung kepada pembacaan umum yang melibatkan golongan dewasa yang lebih gemar dan minat dalam bidang politik.

## BAB 3

### 3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan tentang sebahagian perkara tentang metodologi dan pendekatan yang akan digunakan bagi menyiapkan kajian ini. Kajian ini juga akan memfokuskan kepada unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan yang terdapat dalam karya sastera terpilih seperti novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri. Kajian ini juga berbentuk deskriptif kualitatif yang menggunakan kajian mendalam terhadap beberapa novel terpilih. Aspek yang diutamakan adalah membuat pengumpulan data dan pendekatan teori yang sesuai dengan objektif kajian.

### 3.2 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang mana ia akan membincangkan berkenaan dengan kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi menganalisis unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan dalam karya-karya sastera yang terpilih. Parkinson dan Drislane (2011), menyatakan bahawa kaedah kualitatif merupakan sebuah kaedah yang menggunakan kaedah-kaedah seperti menilai kajian dan memahami kajian yang hasilnya berbentuk naratif dan deskriptif. Melalui kajian ini pengkaji akan melihat kepada kaedah kualitatif deskriptif yang mana melibatkan kaedah penelitian, pembacaan artikel atau jurnal yang berkaitan dan pengumpulan data yang dihasilkan bagi menyelesaikan kajian ini. Selain itu juga, kajian ini akan menumpukan kepada beberapa karya sastera terpilih bagi melihat kesesuaian karya dalam bidang pendidikan. Tiga karya sastera yang digunakan dalam kajian ini ialah novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri.

Kajian melalui analisis verbal merupakan analisis yang memberi keutamaan kepada pemerhatian dan pemahaman terhadap teks. Analisis ini memberi fokus kepada peranan kesusteraan Melayu melalui bidang pendidikan dalam beberapa karya terpilih. Data-data ini diperoleh dengan menggunakan analisis data kualitatif yang mana menekankan kepada pembacaan, penerangan, pengelasan dan pentafsiran. Penggunaan kaedah kualitatif adalah untuk menganalisis beberapa unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan yang terdapat dalam karya bagi

memfokuskan dengan objektif kajian. Kajian kualitatif ini memberi fokus terhadap hasil bagi setiap makna dan pemahaman yang dibuat oleh pengkaji.

### **a) Pembacaan**

Pembacaan yang berkesan yang digunakan di dalam kajian ini merupakan pembacaan yang berunsur ilmiah yang mana meneliti dan memahami beberapa bahan bacaan yang terdiri daripada jurnal, artikel dan karya-karya yang terpilih yang digunakan. Bacaan yang mendalam dilakukan bagi memahami unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan yang disampaikan oleh penulis karya dalam karya mereka sendiri. Data kualitatif perlu dibuat selepas mendapat hasil daripada pemahaman pengkaji melalui karya-karya sastera terpilih. Dapatkan kajian mendapati terdapat beberapa unsur yang boleh dikelaskan dalam data kualitatif bagi mendapatkan hasil yang positif selaras dengan objektif kajian.

### **b) Penerangan**

Melalui analisis penerangan berdasarkan kepada teks karya yang telah dibaca dan difahami, maka pengkaji mampu mengutamakan dan menerangkan kembali unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan yang terdapat makna tersirat disebalik penulisan penulis karya. Data yang diperolehi merupakan perkara yang penting dan utama bagi memberi gambaran dan penerangan di sebalik unsur pendidikan dan kepengarangan melalui teks karya sastera terpilih. Pengkaji akan menerangkan secara terperinci dan berkala bagi mendapatkan hasil kajian yang menepati objektif yang telah dibuat.

### **c) Pengelasan**

Seterusnya, pengelasan dilakukan bagi melihat secara mendalam untuk mendapatkan hasil data-data yang akan digunakan untuk menyiapkan kajian. Pengelasan dibuat bagi memahami konsep penceritaan yang terdapat di dalam novel sastera terpilih. Selain itu, pengelasan dibuat bagi mengelaskan data-data dan dapatan kajian yang terkumpul mengikut tema dan kategori tertentu. Kaedah pengelasan data ditentukan melalui kaedah analisis kajian secara kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan kaedah bagi mengkaji dan memahami secara terperinci yang mana tidak memerlukan pengiraan yang teliti daripada dapatan yang diperolehi. Kaedah ini dibuat bagi memastikan data dan dapatan kajian yang diperoleh dapat

digambarkan secara teliti untuk pengkaji. Sebanyak tiga buah novel yang dipilih bagi menghasilkan kajian ini

#### d) Pentafsiran

Kaedah pentafsiran merupakan kaedah yang digunakan selepas kaedah pembacaan iaitu bagi memahami dan menilai sesuatu dapatan dengan lebih terperinci. Ia juga dapat memberi penjelasan menyeluruh terhadap peranan kesusastraan Melayu melalui bidang pendidikan mengikut kategori. Kaedah pentafsiran melalui hasil penelitian kualitatif membolehkan pengkaji memperjelaskan dapatan kajian berdasarkan data yang diperolehi. Ia dibuat dengan berpandukan beberapa objektif serta permasalahan kajian yang telah dibuat.

Melalui unsur Pendidikan, ia dapat dilihat daripada setiap kumpulan tertentu yang terdapat di dalam beberapa novel terpilih. Unsur Pendidikan akan dilihat berdasarkan pemahaman dan konsep kepengarangan dalam menghasilkan novel. Kaedah kualitatif akan bersandarkan kepada pembacaan, penerangan, pengelasan dan pentafsiran menyeluruh terhadap bacaan teks novel terpilih. Kekuatan dan proses penceritaan terhadap unsur penceritaan dinilai berdasarkan kaedah kepengarangan dalam teks kajian.

Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa setiap data yang didapati berfungsi sebagai bukti dan sebagai penjelasan kepada maksud unsur-unsur Pendidikan yang terdapat di dalam teks karya. Setiap data yang berkaitan akan direkodkan seperti jadual di bawah:

Bil	Kutipan Data	Tajuk Cerpen	Petikan Teks	Hal	Unsur-Unsur Budaya		
					NK	K	NP
1)		N1					
2)		N2					
<b>PETUNJUK</b>							
Bil	Bilangan			N1	Novel Terusir		

Hal	Halaman	N2	Novel Yang Disayangi Tuhan	Penulis
NK	Nilai Kemasyarakatan	N3		
K	Kepengaruan pengarang (konflik)			
NP	Nilai Pengajaran			

Jadual 3.1: Kutipan data-data unsur Pendidikan yang terdapat di dalam beberapa novel terpilih.

Selain itu, kaedah kepustakaan telah dibuat bagi menghasilkan kajian ini. Dapatkan kajian melalui data-data dapat diambil daripada beberapa novel terpilih iaitu novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri. Adapun pengkaji akan mengemukakan beberapa pandangan daripada tokoh sarjana, ilmuan dan dapatan daripada sumber-sumber yang sahih untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini.

Oleh hal yang demikian, unsur-unsur Pendidikan telah dikelaskan oleh pengkaji mengikut kategori seperti di bawah:

### **1) Nilai dan Pengajaran**

Pembacaan dan pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar mampu membentuk keperibadian pelajar. Sumber bacaan yang mantap yang ditulis oleh pengarang yang professional mengenai pendidikan dapat mendekatkan pembaca dengan lebih dekat untuk mempelajari pengisian yang telah ditulis oleh pengarang. Noor Azlinda (2014) menyatakan bahawa budaya membaca mampu melahirkan masyarakat yang berfikir sebelum bertindak, ia bermaksud dengan adanya pembelajaran dan pembacaan karya yang berkesan mampu mengubah sikap peribadi seseorang ke arah yang lebih terbuka berbanding berada di kelompok yang sama.

### **2) Kepengaruan pengarang**

Pengarang merupakan penulis karya yang memainkan peranan penting kepada penghasilan karya. Hal ini kerana, pengarang yang kreatif dan bijak dalam menulis mampu menarik perhatian pembaca untuk terus mengikuti karya yang ditulis pengarang. Pengarang yang memberi contoh dan pesanan yang baik dalam karyanya

dapat meningkatkan minat pembaca untuk membaca dan menjadikan karya penulis sebagai bahan rujukan. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa aura daripada penulisan pengarang mampu memberi pengaruh terhadap diri pembaca.

### **3) Pendidikan kemasyarakatan**

Di dalam setiap teks sastera terdapat pelbagai tema yang diketengahkan oleh pembaca. Teks karya yang bersifat pendidikan tidak lari daripada menguasai semua aspek kehidupan. Hal ini kerana pembaca mengawal dan menjaga kemaslahatan sesama masyarakat. Pengarang pastinya memberi didikan kepada pembaca tentang aspek kemasyarakatan di dalam karyanya kerana ia merupakan suatu petunjuk untuk menghadapi kehidupan khususnya kepada pembaca seperti pelajar mahupun remaja. Ini bermakna terdapat aspek atau unsur kemasyarakatan diterapkan oleh pengarang sebagai akar kepada pendidikan khususnya dalam kesusastraan Melayu

### **4) Pendidikan pembangunan bahasa**

Seterusnya, melalui teks sastera kebanyakan pengarang menggunakan Teknik penulisan yang berkesan bagi memastikan pembaca dapat memahami cerita yang ingin disampaikan melalui penulisannya. Adapun teks sastera yang khusus ke arah pendidikan lebih ke arah suatu pembelajaran baharu kepada pembaca. Hal ini kerana pengarang mencipta beberapa kata kunci baharu di dalam karya agar pembaca mampu menambahkan perbendaharaan kata dalam diri. Dengan adanya Teknik penulisan yang mantap di dalam karya pembaca akan suka, dapat menambahkan ilmu dan menggunakan bahasa yang baharu dipelajari ke dalam kehidupan. Pendidikan dalam pembangunan bahasa membolehkan pembaca menambahkan perbendaharaan kata dalam diri bagi memudahkan urusan dalam pertuturan dan penulisan kelak.

### **3.3 PENDEKATAN KAJIAN**

Kajian ini telah menggunakan pendekatan teori konseptual kata kunci bagi menganalisis unsur Pendidikan yang terdapat di dalam dua novel terpilih. Pendidikan merupakan suatu keupayaan dalam memperluaskan bakat dan nilai-nilai pendidikan bagi memastikan seseorang mempunyai ilmu yang baik untuk digunakan untuk kebaikan. Selain itu, pendidikan merupakan pendidikan berkaitan moral, nilai, budi dan watak yang bertujuan mengembangkan kemampuan seseorang dalam

memutuskan baik dan buruk dalam kehidupan sehari-hari (Mulyasa, 2011:32). Ini bermakna setiap unsur pendidikan membawa kepada suatu bentuk ilmu yang mana ia akan menentukan sama ada sesuatu perbuatan bersifat kebaikan mahupun tidak menerusi ilmu pendidikan yang pelajar perolehi. Ia juga dapat mempengaruhi pemikiran dan perlakuan seseorang pelajar dalam menentukan perbuatan mereka. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat bahawa unsur pendidikan merupakan suatu permulaan dalam kehidupan masyarakat.

Manakala menurut Hasan (2003) pendidikan mempunyai dua sudut pandangan, yang mana ia berkaitan masyarakat dan individu. Masyarakat merupakan suatu konsep bahawa seseorang perlu mewarisi sifat pendidikan seseorang yang wujud dalam keluarga dalam nilai-nilai budaya yang ditampilkan menerusi konsep secara turun temurun. Manakala individu bertanggungjawab untuk mengasah bakat dan potensi yang dimiliki bagi memastikan kelangsungan hidup menerusi ilmu pendidikan yang telah dipelajari untuk kehidupan sehari-hari.

### **3.3.1 Teori Konseptual Kata Kunci**

Teori konseptual kata kunci telah diperkenalkan oleh Mokhtar Abu Hassan bagi menilai kajian ini. Teori konseptual kata kunci mempunyai tiga prinsip utama yang melalui gabungan tiga prinsip ini membolehkan pembaca mentafsirkan dan mengaplikasikan secara serentak untuk menganalisis konseptualisasi seorang pengarang berdasarkan sesuatu konsep. Teori ini juga dapat dibuktikan melalui perkataan-perkataan yang digunakan oleh pengarang sama ada mampu memberi kepengaruhannya terhadap pembaca melalui konsep pendidikan. Selain itu, teori konseptual kata kunci ini digunakan untuk menguatkan hujah yang diberikan sama ada ia bersesuaian dengan kajian ini nanti. Terdapat tiga prinsip utama dalam teori konseptual kata kunci antaranya ialah :

### 1) Kepengaruhuan

Kepengaruhuan merupakan suatu asas kepada pengarang yang mana akan melihat kepada latar belakang pengarang dari segi keluarga, kepercayaan, ideologi mahupun pendidikan seseorang pengarang. Hal ini kerana ia akan menjadi salah satu faktor gaya penghasilan penulisan pengarang yang mana mempunyai kualiti yang baik mahupun tidak. Selain itu, ia akan menjadi panduan pembaca karya untuk menyukai dan selesa dengan penulisan karya seorang pengarang. Prinsip kepengaruhuan akan memberi satu kumpulan yang akan terpengaruh dan meminati suatu ideologi dan cara penulisan seorang pengarang. Hal ini dapat memberi suatu jalan atau petunjuk yang baik kepada pembaca untuk memahami dan meminati sesuatu nilai atau unsur yang disampaikan melalui karya pengarang yang digemari oleh pembaca.

### 2) Pemilihan kata

Prinsip pemilihan kata merupakan prinsip pemilihan diksi oleh pengarang dalam menghasilkan teks sastera. Pemilihan kata yang bersesuaian dengan isu, atau penceritaan yang ingin diketengahkan akan memberi kesan yang positif kepada pembaca khususnya melalui unsur pendidikan. Pengarang yang mampu mempelbagaikan diksi dengan mempunyai makna yang sama adalah seorang pengarang yang berpendidikan dalam konsep kepengarangan. Pemilihan kata yang baik mampu menarik minat pembaca untuk meneliti dan menggunakan setiap diksi yang digunakan pengarang ke dalam kehidupan seharian.

### 3) Prinsip kesan

Teks sastera yang baik mampu memberi impak yang positif kepada pembaca. Kemahiran pengarang dalam menulis dan mencipta idea-idea yang kreatif dan kritis dalam penulisan mampu menarik minat pembaca untuk membaca dan memahami dengan lebih mendalam. Penulisan yang mempunyai objektif yang baik akan mendapat sokongan daripada pelbagai pihak. Kesan yang digambarkan melalui teks karya melalui nilai-nilai mahupun unsur-unsur pendidikan mampu memberi pendedahan kepada pembaca untuk mengaplikasikan di dalam kehidupan. Karya yang bagus juga boleh diserap ke institusi pendidikan untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran.

Dapat dilihat bahawa konsep yang dibawa oleh Mokhtar Abu Hassan konseptual kata kunci menekankan tentang rantaian kata kunci yang akan membina istilah baharu dan konsep yang diterapkan. Melalui perkara ini, ia akan memberi banyak pengetahuan kepada pembaca tentang istilah-istilah baru yang wujud dalam diksi. Penggunaan diksi yang pelbagai mampu membuktikan seseorang itu mempunyai ilmu yang tinggi.

### 3.4 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dilakukan bagi melihat unsur pendidikan yang wujud dalam teks sastera. Kaedah kualitatif deskriptif digunakan bagi mengkaji teks sastera. Oleh hal yang demikian pengkaji menggunakan kaedah penelitian kajian kes, kepustakaan dan kaedah internet untuk merujuk sumber yang sahih. Kaedah kualitatif merupakan kaedah yang baik untuk menganalisis pemilihan perbendaharaan kata dalam diri pelajar melalui teks sastera yang dibaca. Selain itu pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian dokumen seperti teks daripada novel-novel terpilih menjadi perkara utama dalam kajian ini. Penggunaan reka bentuk kajian kes ini membolehkan maklumat yang dicari mudah dicapai oleh pengkaji dengan lebih terperinci mengenai maksud yang tersirat disebalik unsur-unsur pendidikan di dalam teks sastera.

Kaedah kualitatif dipilih kerana untuk memudahkan proses analisis novel-novel terpilih bagi melihat unsur pendidikan dan kepengarangan dalam teks. Antara kaedah kualitatif yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, kajian analisis teks dan teori konseptual kata kunci.

### 3.5 KERANGKA KONSEPTUAL

#### PERANAN KESUSASTERAAN MELAYU DALAM BIDANG PENDIDIKAN

- Mengenalpasti unsur pendidikan dalam teks sastera.
- Menganalisis unsur pendidikan dalam teks sastera
- Menilai kesan kepengarangan di dalam karya.

#### TEORI KONSEPTUAL KATA KUNCI

- Prinsip kepengaruh - Prinsip pemilihan kata - Prinsip kesan

#### DUA NOVEL TERPILIH

- Novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri

Kesimpulan

Rajah 3.2 Kerangka Konseptual

### 3.6 KETERANGAN KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka konseptual ini dilakukan bagi memandu pengkaji untuk menilai unsur pendidikan dan kepengarangan yang terdapat di dalam teks. Melalui kerangka ini kata kunci bagi unsur pendidikan dan kepengarangan yang dibuat ialah pembentukan peribadi, kepengaruan pengarang, pendidikan kemasyarakatan dan pembangunan bahasa yang terkandung dalam novel-novel terpilih seperti novel *Terusir* karya Hamka dan novel *Penulis Yang Disayangi Tuhan* karya Baharuddin Bekri dengan berpandukan kepada penggunaan teori konseptual kata kunci.

Selain itu, kerangka konseptual ini juga dapat digunakan bagi menganalisis tentang semua kata kunci terhadap unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan dengan menggunakan teori konseptual kata kunci. Berdasarkan kerangka ini juga pengkaji dapat meneliti unsur dalam teks dengan lebih mendalam.

### 3.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dilihat bahawa bab ini membincangkan berkenaan metodologi kajian, pendekatan yang digunakan terhadap kajian, penggunaan teori konseptual kata kunci, reka bentuk kajian, kerangka konseptual dan juga keterangan terhadap kerangka konseptual sebagai salah satu tunjang dalam menganalisis teks kajian terhadap tiga novel terpilih selaras dengan objektif kajian.

## BAB 4

### 4.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan mengenai analisis dan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji mengenai kajiannya. Kaedah ini adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan teori yang telah dipilih pengkaji bagi menjawab kesemua objektif yang telah ditetapkan. Selain itu, dua karya terpilih digunakan untuk memenuhi dan menjawab objektif yang telah dibina oleh pengkaji.

#### 4.1 Unsur pendidikan kemasyarakatan.

Pendidikan masyarakat merupakan suatu gerakan yang bertindak sebagai mendidik suatu budaya masyarakat untuk mempunyai keperibadian yang tetap dan unggul di dalam diri. Oleh hal yang demikian, pendidikan masyarakat diperlukan oleh setiap masyarakat untuk mengatur setiap pola kehidupan menjadi lebih baik. Pendidikan masyarakat adalah sebagai keperluan yang berlangsung sepanjang hayat berlaku dalam lingkungan keluarga, sekolah dan pemerintah sebagai tanggungjawab bersama antara semua masyarakat dan pemerintah (Abdul Hadi,2018).

Melihat kepada kebanyakan teks karya yang dipilih oleh pengkaji dapat dilihat bahawa pengarang mempunyai pengalaman sendiri di dalam kehidupannya dan cuba menghasilkan suatu karya yang dekat dalam dirinya dan masyarakat. Pendidikan kemasyarakatan dilihat sebagai suatu perkara yang penting khususnya kepada pembaca yang datangnya daripada sekolah. Anak muda perlu didedahkan kepada bentuk untuk mendidik bagi melahirkan anak muda yang mempunyai keperibadian yang baik. Umum mengetahui bahawa pendidikan seharusnya adalah bermula sejak daripada muda lagi kerana bagi memastikan mereka patuh dan mengatur kehidupan dengan baik sejak daripada usia muda. Pengarang bertanggungjawab menghasilkan karya yang dekat dengan pembaca seperti memasukkan pelbagai bentuk pendidikan kemasyarakatan yang ada dalam kehidupan ke dalam karya sebagai inspirasi dan contoh kepada pembaca.

Pendidikan masyarakat yang wujud di dalam teks berfungsi sebagai pendorong kepada pembaca agar mereka mampu mengambil sebagai idea untuk digunakan di dalam kehidupan. Pengarang mengesyorkan teks karya ini sebagai bahan pengajaran

dan pembelajaran di dalam institusi pendidikan kerana ia amat sesuai bagi mendidik masyarakat yang bermula daripada awal persekolahan tentang kepentingan karya kesusasteraan yang bermutu. Karya kesusasteraan yang berjaya mempengaruhi pembaca merupakan salah satu alternatif yang baik bagi memupuk pembaca untuk mengambil ilmu daripada pembacaan mereka. Pendidikan kemasyarakatan yang wujud di dalam teks dapat menarik minat pembaca untuk lebih dekat memahami teks karya sehingga tamat. Hal ini kerana, tidak semua pengarang mampu menghasilkan karya yang bersesuaian dalam memberi didikan kerana ia cabaran besar untuk memastikan pembaca tidak bosan dalam pembacaan mereka.

#### **4.2 Unsur pendidikan melalui konflik.**

Melihat kepada prinsip yang digunakan oleh pengkaji dapat dilihat bahawa, pengkaji ingin memberi penekanan terhadap kesesuaian sesuatu karya untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan bahan pengajaran dalam institusi pendidikan. Oleh hal yang demikian, pengkaji memfokuskan kepada penceritaan atau konsep yang ada dalam karya iaitu konflik sebagai suatu impak yang boleh memberi kesan kepada pembaca. Konflik dan isu yang berkait rapat dalam masyarakat menjadikan pembaca cuba memahami bentuk penceritaan dengan dekat kerana bagi melihat bentuk realiti yang benar-benar terjadi dalam kalangan pembaca sendiri.

Selain itu, melalui gaya pengarang dalam bentuk bahasa dalam penulisan dapat juga menjadikan sesuatu karya itu dianggap sesuai untuk digunakan dalam institusi pendidikan. Hal ini kerana, setiap karya mempunyai pengarang yang mempunyai pemikiran dan gaya yang tersendiri. Melalui konflik yang diperlihatkan di dalam setiap penceritaan dapat dilihat sama ada karya yang dipilih sesuai dengan syarat pendidikan sendiri. Kebanyakan karya dihasilkan bertujuan untuk mendidik, namun dengan memfokuskan kepada memberi pengetahuan dalam pendidikan penggunaan perbendaharaan kata harus dilihat dan bertepatan dengan piawaian pendidikan. Terdapat pelbagai bentuk konflik boleh ditunjukkan oleh pengarang sama ada dalam bentuk kasar mahupun lembut daripada segi penggunaan bahasa. Bagi melihat kepada pembaca dalam kalangan pelajar, penggunaan bahasa harus diteliti kerana pelajar perlu mempelajari penggunaan perbendaharaan kata yang menarik dan gaya bahasa yang baik untuk melahirkan pembaca yang bijak dalam penulisan suatu hari nanti.

Konflik merupakan suatu perkara yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat yang menjadikan ia sebagai suatu kebiasaan yang terjadi dalam masyarakat. Melalui karya yang dipilih dapat dilihat bahawa pengarang banyak menampilkan konflik yang menjadikan pembaca terkesan untuk meneruskan pembacaan kerana ingin melihat penutup sebuah cerita yang bakal diakhiri oleh pengarang. Pengarang yang berpengalaman sememangnya tidak asing lagi dalam menyusun penceritaan dengan baik sehingga menjadikan sesuatu karya mereka ditunggu-tunggu oleh pembaca untuk menghabiskan pembacaan mereka. Sosial budaya yang ditonjolkan di dalam karya yang dipilih pengkaji memperlihatkan pengarang bukan sahaja ingin menggambarkan sesuatu kejadian namun memberi didikan kepada pembaca sama ada untuk diteladani atau digunakan dalam kehidupan yang sebenar.

#### **4.3 Unsur pendidikan melalui nilai dan pengajaran.**

Unsur pendidikan melalui nilai dan pengajaran berfungsi sebagai strategi dalam pembangunan karakter pembaca. Kebanyakan pembaca pada masa kini lalai dengan konsep pembacaan sehingga tidak memahami tujuan yang ingin disampaikan pengarang. Manakala pengarang bertindak sebagai agen yang menyampaikan ilmu pengetahuan dengan baik kepada pembaca melalui penghasilan karya. Pembaca yang terdiri daripada pelajar khususnya wajar mengambil nilai dan pengajaran di dalam teks karya untuk digunakan dalam kepribadian diri mereka bagi membantu membentuk karakter yang terpuji dan berguna kepada masyarakat lain. Oleh hal yang demikian, nilai dan pengajaran wajar diberi penekanan di dalam karya kerana ia juga mampu membantu dalam aktiviti pembelajaran yang mana pelajar atau pembaca didedahkan untuk mengenalpasti nilai dan pengajaran yang disampaikan pengarang di dalam karya penulisannya.

Seterusnya merupakan prinsip ketiga yang digunakan di dalam teori konseptual kata kunci iaitu prinsip kesan. Pengkaji menonjolkan prinsip kesan melalui nilai dan pengajaran yang terdapat dan disampaikan oleh penulis novel sendiri. Prinsip ini berketepatan kerana bagi menapis unsur pendidikan dan kepengarangan yang terdapat di dalam karya. Hal ini kerana bagi memastikan dan melihat kesesuaian karya sama ada sesuai untuk dijadikan bahan rujukan dan bahan pengajaran dalam pendidikan di institusi pendidikan. Nilai dan pengajaran di dalam karya semestinya

untuk dijadikan teladan kepada pembaca, maka ia harus diteliti dengan baik kerana setiap penulis atau pengkarya mempunyai konsep penulisan mereka yang tersendiri dan pelbagai genre. Dengan menganalisis karya-karya terpilih pengkaji dapat mencapai objektif yang dibina berdasarkan tajuk kajian.

#### 4.4 ANALISIS UNSUR PENDIDIKAN KEMASYARAKATAN

##### 1. Pendidikan dakwah.

Menurut (M Munir & Wahyu Ilahi, 2009: 21) dakwah sebagai suatu revolusi pandangan atau pemahaman dalam kehidupan yang berlandaskan agama, yang menjadi panduan untuk mengubah cara hidup dan perilaku umat yang tidak sesuai dengan ajaran islam berubah menjadi sesuai dengan tuntutan syariat islam bagi mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Selain itu juga (Munzir dan Harjani, 2006: 6) Menyatakan dakwah memerlukan kebijaksanaan yang mana tahu tentang metode tujuan yang ingin diberikan dengan menyampaikan dengan menggunakan bahasa yang bijaksana sana. Hal ini bagi memastikan dakwah yang disampaikan kena dan tepat dengan situasi. Oleh hal yang demikian, dapat di buktikan bahawa terdapat contoh nilai dakwah di dalam novel Terusir karya Hamka seperti di bawah:

*“Cuba engkau fikirkan baik-baik, renungkan dengan tenang! Hidupmu yang beroleh cahaya, fikiranmu yang senantiasa terbuka, hati makhluk yang tertumpah padamu adalah daripada kejernihan mukamu. Dan kejernihan muka itu, wahai sahabatku, bukanlah didapati dari pejabat tempat bekerja, bukan dari jalan antara rumah dan tempat pekerjaan, tetapi kejernihan muka itu kita dapat dari dalam rumah tangga, rumah tangga yang dipimpin oleh isteri yang pandai. Sebab, berkali-kali ku baca dalam hikayat orang besar-besar bahawa kejayaan, kemenangan yang mereka dapat kebanyakannya di dukung oleh orang yang tidak di kenal, itulah ia isterinya! Menurut penglihatanku, keberuntungan yang engkau dapat sekarang, hidupmu yang maju, mata pencarian yang terbuka, pangkat naik, tidak lain dan tidak bukan ialah kerana pertolongan Mariah.”*

(Novel Terusir 2020: 16)

Merujuk kepada petikan di atas dapat dilihat bahawa nilai dakwah merupakan salah satu nilai kemasyarakatan yang berfungsi sebagai cara pengarang untuk menghasilkan sebuah bentuk penceritaan yang dekat dengan pembaca. Umumnya nilai dakwah kebiasaan wujudnya dalam kehidupan yang mana ia sebagai asas dalam

pembentukan peribadi malah sebagai pengaruh pengarang untuk membentuk dan memberi pendidikan kepada pembaca tentang kaedah bagaimana karya-karya sastera dapat memberi kesan kepada masyarakat mengikut tema yang bersesuaian dengan peringkat umur. Hal ini selaras dengan penggunaan Teori Konseptual Kata Kunci dalam prinsip kepengaruan. Prinsip ini menekankan bahawa pengarang bertanggungjawab untuk menghasilkan karya yang dekat dengan pembaca dan memberi nilai yang tersendiri mengikut peringkat umur. Seperti yang ingin dikaji oleh pengkaji untuk melihat kesesuaian suatu novel ini sama ada sesuai dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam institusi pendidikan.

## 2. Pendidikan Pengorbanan.

Norazman Amat (2021) mendefinisikan nilai pengorbanan sebagai sebuah penyerahan diri dalam berjuang yang mana bagi mendapatkan kebaikan dan kesejahteraan. Ia seperti seseorang yang mempunyai tanggungjawab sebagai ibu, anak dan bapa yang mempunyai pengorbanan yang tertentu yang perlu di korbankan demi kebaikan institusi kekeluargaan. Begitu juga dengan petikan di bawah yang mana menunjukkan pengorbanan seorang ibu demi sebuah kebahagiaan. Ini dapat dilihat seperti:

*“ Saya mengembara ke Jakarta ini, mengembara di dalam kemiskinan, sampai saya menjadi makhluk yang serendah ini. Telah berkali-kali saya cuba hendak menyingkirkan diri saya dari dunia ini. Itu pun belum berhasil sebab Allah masih akan mengazab saya. Tetapi tuah, masih ada sudut pengharapan hati saya untuk hidup, masih dapat timbul kegembiraan saya mendengar dan melihat kemajuan anak saya walaupun ia sendiri tidak tahu dan tidak perlu tahu siapa ibunya, Sebab itu, kasihanilah saya, tuan. Kalau sekiranya Sofyan kecewa dan remuk pula, tidak ada lagi pergantungan saya dalam gelanggang hidup ini.”*

(Novel Terusir 2020: 86)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bahawa watak Mariah sebagai seorang ibu yang telah mengorbankan perasaannya demi melihat anaknya berjaya amat berkait dengan nilai kemasyarakatan yang mana ia dapat mendidik masyarakat dan memberi gambaran tentang pengorbanan seorang ibu terhadap anaknya. Oleh hal yang demikian, merujuk kepada Teori Konseptual Kata Kunci yang digunakan pengkaji dapat dilihat bahawa kepengaruan pengarang melalui motif utama dalam penyampaian yang berbentuk didikan amat bersesuaian dijadikan sebagai bahan bacaan dalam kalangan pelajar mahupun masyarakat bagi memberi gambaran yang

jelas tentang reality kehidupan sama ada untuk dijadikan pengajaran mahupun rujukan.

### 3. Pendidikan nilai Tolong-menolong

Nilai tolong menolong telah didefinisikan suatu nilai yang dilakukan oleh seseorang individu atau kumpulan masyarakat yang memahami sifat peri kemanusiaan terhadap antara satu sama lain (Abdullah, 2006: 368). Tolong menolong juga dianggap sebagai suatu perbuatan moral yang apabila dilakukan mempunyai sikap senang membantu orang lain sama ada dalam bentuk material mahupun tenaga moral. Melihat petikan di bawah terdapat nilai tolong menolong yang boleh di dapat dalam petikan ini seperti contoh:

Kenyataan Pak Damano yang penuh mengharap itu menyentap hati Usamah. Benar dia bukan polis, tetapi pasti dia boleh melakukan sesuatu. Lalu dengan penuh yakin Usamah berkata, “*Saya fikir, kamu semua perlu fikirkan cara untuk menolong diri sendiri. Iaitu cara untuk kamu hilangkan rasa takut-takut tinggal di sini. Saya lihat hanya satu cara iaitu kamu kembali ke tanah air kamu, dan selepas itu masuk kembali dengan cara yang sah. Ada permit dan passport*”, jelas Usamah dan terus memandang Ahmad Rani yang masih nampak bersalah.

“*Kosnya sangat tinggi. Daripada mana pula saya mahu mendapatkan wang?*” kata Pak Damano.

Usamah cuba tersenyum nipis tetapi nampak canggung. Masalah wang untuk mereka juga adalah masalah besar untuk dia. Di sini tidak ada bezanya orang Indonesia dan Malaysia, wang tetap menjadi masalah utama.

“*Saya cuba bantu berkenaan perkara itu,*” kata Usamah dengan hati yang ragu-ragu, sama ada dia memang mampu membantu ataupun sekadar cuba menyedapkan hati.

“*Sekiranya begitu, alhamdulillah,*” kata Pak Damano sambil meraup kedua-dua belah tangan ke muka.

(Novel Penulis Yang Disayangi Tuhan 2021: 265)

Berdasarkan petikan di atas dapat dilihat bahawa nilai atau sikap tolong menolong yang diceritakan merupakan sebahagian masyarakat yang kebiasaannya terjadi dalam masyarakat. Masyarakat cenderung untuk membantu sesama lain walaupun hakikatnya mereka tidak mampu dalam kehidupan. Melalui petikan ini dapat dilihat bahawa pengkaji menyelaraskan dengan penggunaan Teori Konseptual Kata Kunci sebagai rujukan utama bagi membuktikan bahawa penulisan novel oleh pengarang ini

menyampaikan gambaran atau sifat sebenar daripada pengarang yang dekat dengan penceritaan yang dihasilkan. Oleh hal yang demikian, pengarang menggunakan unsur kepengarangan sebagai unsur utama dalam menarik minat membaca dalam pada yang sama memberikan pendidikan dan ilmu berkaitan dengan konsep atau keberkatan penghasilan karya yang dituntut oleh Tuhan.

#### **4.5 ANALISIS UNSUR PENDIDIKAN KONFLIK.**

##### **1. Konflik terhadap diri sendiri.**

Konflik terhadap diri sendiri membawa kepada pelbagai bentuk yang boleh mengakibatkan kehancuran atau lemah dalam diri. Hal ini kerana, ia melibatkan sifat dalaman yang tidak mempunyai keyakinan atau takut untuk menghadapi cabaran atas sebab faktor-faktor tertentu. Selain itu, konflik terhadap diri sendiri adalah konflik yang melibatkan tuan badan sendiri dalam melawan perasaan yang membawa kepada prestasi seseorang itu merudum. Selain itu juga, konflik terhadap diri sendiri dinyatakan sebagai sifat seseorang yang tidak yakin dengan diri sendiri sama ada dalam bentuk perkerjaan mahupun dengan fizikal diri (Hani Handoko,2014). Ia jelas dapat dilihat melalui petikan seperti di bawah:

*“Manusia-manusia di sini membuatkan masa yang berlalu tidak terasa.”* Jawab Usamah sambil mata memerhatikan manusia yang bersimpang siur di hadapannya dan menyambung, *“Maaf, kalau saya menyusahkan . Walaupun kita baru sekali berjumpa, tetapi saya yakin kamulah orang yang paling tepat untuk saya temui pada waktu begini.”*

*“Sebab apa?”*

*“Saya rasa kosong. Terlalu kosong dan sepertinya hidup saya ini tidak ada tujuan.”* Usamah membetulkan duduk.

*“Rasa kosong dan tidak ada tujuan? “* soal Kamri dengan suara yang menekan. Dia menatap Usamah.

*“Kamu kan sudah bertemu Johari Salim ? Saya yakin dia pasti memberi kamu sesuatu untuk dikerjakan. Mengapa masih rasa kosong?”*

*“Memang Johari Salim itu umpama langit yang punya segalanya. Namun dia cuma memberi bunyi guruh, bukannya hujan dan pelangi. Bukan salah dia, salah saya yang salah menempatkan dirii di atas gurun sehingga hanya mampu mendengar guruh.”*

(Novel Penulis Yang Disayangi Tuhan 2021: 157)

Melalui petikan teks di atas dapat dilihat bahawa penulis melihatkan watak yang mempunyai konflik dengan dirinya sendiri sehingga tidak dapat menentukan sesuatu perkara yang baik. Pengkaji memilih unsur konflik adalah kerana ia mampu memberi pendidikan kepada pembaca supaya bertindak dengan betul apabila menghadapi konflik. Pembinaan karakter peribadi yang elok akan melahirkan manusia yang bijak mengawal emosi apabila berhadapan dengan masalah. Oleh hal yang demikian, ia dapat memberi kesan dan didikan yang berguna kepada pembaca. Selain melibatkan pembinaan karakter peribadi, pembangunan bahasa juga boleh dilihat melalui teks karya sastera ini apabila pengarang cuba menghasilkan karya yang berkualiti yang menjaga tatabahasa dan adab ketika menghadapi konflik di dalam diri. Hal ini dapat memberi kesan yang positif kepada pembaca. Melihat kepada objektif pengkaji dapat dilihat bahawa konflik yang wujud di dalam karya merupakan suatu bentuk unsur pendidikan yang dibawa oleh pengarang untuk menunjukkan kepada pembaca untuk mengatasi konflik yang berlaku di dalam diri.

## 2. Konflik antara organisasi

Konflik antara organisasi adalah konflik yang melibatkan orang bawahan dan atasan yang memberikan arahan sehingga terjadinya perselisihan faham di dalamnya. Adapun konflik antara organisasi juga berkemungkinan berlaku kerana tidak sepakat dalam keputusan dan kalah dalam pertandingan yang diadakan antara organisasi yang menyebabkan kumpulan kecil tidak menyetujui keputusan yang diberikan (Steven,1994). Selain itu, konflik antara organisasi juga boleh berlaku melibatkan kepada lebih dua watak yang mana sekumpulan atau beberapa kumpulan besar yang berlaku masalah antara mereka. Konflik seperti ini sememangnya wujud di dalam dunia realiti yang membawa kepada pembinaan keperibadian atau perwatakan seseorang. Seseorang atau kumpulan yang matang akan mengawal emosi dengan bijak dan menyelesaikan secara baik begitu juga sebaliknya. Konflik antara organisasi ini dapat dilihat melalui petikan di bawah yang mana watak antara dua pihak yang salah satunya tidak bersetuju setelah penulisannya dikritik :

*“Usamah, mungkin sekarang kamu masih ragu-ragu akan niat saya. Namun percayalah, saya ikhlas untuk membantu kamu,”* pujuk Johari Salim.

*“Ikhlas?”*

Usamah mengangkat kening.

*“Tidak percaya?”*

“Bagaimana saya boleh percaya?”

“Mengapa tidak percaya?”

“Tuan pasti lebih tahu kisah ini. Kisah anak yang memaku dinding batu. Pada saat paku itu dicabut, apakah dinding batu itu masih sama seperti asalnya? Pasti dinding itu sudah tidak rata dan berlubang-lubang.”

Kritikan tuan kepada novel saya itu sama seperti paku yang menghunjam hati. Sekarang dengan begitu sahaja tuan ‘mencabut’ kritikan itu daripada hati saya? Apakah tuan fikir, hati saya masih seperti dahulu? Masih rata dan rapi?” Usamah memandang tepat Johari Salim namun masih menampakkan santun yang tinggi.

(Novel Penulis Yang Disayangi Tuhan 2021: 346)

Melalui petikan di atas pengkaji menonjolkan mengenai Teori Konseptual Kata Kunci di bawah prinsip pemilihan kata. Kepengaruan penulis dapat dilihat melalui kebijaksanaan penulis yang menggunakan bahasa yang baik walaupun watak yang dibawa sedang kecewa dan marah kepada seseorang. Penulis menggunakan tatabahasa dan susunan yang baik supaya dapat memberi contoh kepada pembaca. Selain itu juga, pengkaji ingin menekankan kepada pembaca yang tertumpu kepada pelajar atau remaja supaya mereka bijak mengendalikan diri dan matang dalam membuat keputusan ketika berhadapan dalam kehidupan mereka akan datang. Pengendalian yang baik dalam menahan emosi apabila berlakunya konflik menjadikan perwatakan pembaca cenderung melahirkan remaja yang mempunyai keperibadian yang mempunyai sahsiah yang tinggi di masa akan datang.

### 3. Konflik dua pihak.

Kebiasaan dalam pergaduhan semestinya melibatkan antara lebih satu pihak. Hal ini kerana konflik tidak akan berlaku jika tiada perselisihan yang berlaku. Seterusnya, konflik dua pihak tidak semestinya berlaku hanya kerana konflik yang besar yang melibatkan pergaduhan atau sebagainya, ia juga boleh terjadi akibat salah faham dan juga rasa bersaing antara mereka. Selain perselisihan ia juga berlaku akibat sifat buruk seseorang yang ingin menjatuhkan sebelah pihak dengan cara yang kotor. Perkara ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

“Pergi kau dari sini, setan! Sudah lama ku perhatikan perangaimu! Memang jalang engkau agaknya, pencuri engkau rupanya! Perempuan tak tahu sopan!”

“Sabar, Siah!” kata suaminya. “Terdengar oleh orang kiri kanan, buruk bunyinya!”

“Ya, memang selalu engkau pertahankan perempuan lacur ini di sini. Barangkali engkau sudah bermain gila pula sama i! ”

“Baiklah pakcik! Saya pergi sekarang juu,” kata Mariah sambil menghapus air mata yang meleleh di pipinya.

(Novel Terusir 2020: 27)

Petikan di atas dapat dilihat bahawa penulis cuba menunjukkan kepada pembaca bagaimana untuk meleraikan suatu konflik. Dengan cara salah satu harus mengalah daripada ego masing-masing. Kebijaksanaan pengarang dapat memberi idea kepada pembaca untuk menulis dan menghasilkan karya dengan penutup yang tersusun dan mudah difahami. Oleh hal yang demikian, pengkaji menekankan bahawa ia sesuai dengan penggunaan teori dan unsur yang digunakan di dalam kajian ini.

#### 4.6 ANALISIS NILAI DAN PENGAJARAN CORAK PENULISAN PENGKARYA

##### 1. Berkorban demi kebahagiaan ibu bapa

Umum mengetahui bahawa pengorbanan sebagai seorang ibu bapa adalah sangat berat. Peranan ibu bapa adalah bertanggungjawab atas keperluan anak-anak. Ibu bapa sanggup mengorbankan masa bertahun lama untuk menjaga anak sehingga dewasa dengan melalui pelbagai cabaran menghadapi sikap anak. Di dalam situasi ini, pengkaji menekankan kepada jasa anak kepada ibu bapa dengan membalaik semua pengorbanan mereka. Anak-anak bertanggungjawab untuk menjaga ibu bapa mereka ketika tua kelak. Anak yang baik dan bertanggungjawab tidak akan ragu untuk mengorbankan masa bahkan harta mereka demi menjaga anak-anak. Melihat kepada teks di bawah pengajaran yang dapat difahami ialah seseorang haruslah berkorban demi membahagiakan ibu bapa. Nilai pengorbanan yang digunakan sememangnya memerlukan melepaskan sesuatu yang disayangi demi kebahagiaan ibu bapa yang telah menjaga dan menghabiskan banyak wang ringgit demi kebahagiaan kita sendiri.

*Rohayat Shah ternampak sangat kesal.*

*“Daripada surat itu jugalah saya terbaca satu lagi satu lagi ayat yang sangat saya ingat sampai sekarang. ‘Kamu hanya ada satu peluang untuk menebus salah kamu. Berbaktilah kepada kedua-dua orang tua kami yang sudah kamu laknat itu’.*

*Saya terduduk dan tidak mampu lagi berdiri. Saya perkirakan itu semua peringatan daripada Allah. Bukan sahaja untuk buku yang saya sudah tulis itu, tetapi berkenaan tanggungjawab saya kepada kedua-dua ibu bapa. Selama ini saya dengan senang hati hanya mengirimkan wang kepada mereka. Namun sejak itu saya, saya bulatkan hati untuk berbakti lebih daripada sekadar menghantar wang. Saya tinggalkan perniagaan untuk rakan niaga saya uruskan dan saya bawa anak isteri tinggal di kampung. Namun, isteri saya pula menunjuk belang. Mahu tidak mahu saya terpaksa memilih antara dia dan ibu.”*

(Novel Penulis Yang Disayangi Tuhan 2021: 77)

Petikan di atas menunjukkan bahawa nilai pengorbanan yang dipilih oleh pengkaji dapat memberi pengajaran kepada pembaca bahawa seorang anak yang menyayangi ibu bapa akan sanggup berkorban demi kebahagiaan ibu bapa seperti jelas di dalam petikan, watak Rohayat yang sanggup melepaskan kerjayanya yang memberikannya pelbagai kemewahan selama ini demi menjaga ibunya yang uzur di kampung. Selain itu, juga beliau telah berpisah dengan isterinya yang tidak sanggup hidup susah bersamanya. Pengkaji menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci melalui prinsip kesan yang mana dengan peristiwa ini seperti yang tertera di dalam petikan dapat memberi kesan kepada pembaca untuk menjadi anak yang bertanggungjawab terhadap ibu bapa mereka kelak.

## 2. Kasih sayang seorang ibu.

Di dalam novel kedua yang dipilih pengkaji, terdapat nilai kasih sayang dan pengajaran yang dapat difahami oleh pembaca selepas membacanya. Kasih sayang seorang ibu yang merindukan anaknya setelah berpisah bertahun lamanya tetap tidak akan pudar. Pengorbanan yang dilakukan adalah untuk melihat anaknya selamat daripada musuh.

Timbul kecintaan daripada seorang ibu, timbul kebanggan rohani atas kemajuan anaknya walaupun hanya melihat daripada jauh saja. Kerana kalau ia datang ke rumah anaknya menyatakan bahawa ia ibunya, tentu saja si anak tidak menerima kedatangannya sebab ia tidak layak menjadi ibu seorang master. Dan kalau kelak anak itu tahu bahawa ibunya adalah perempuan lacur,

yang bertahun-tahun lamanya menjadi buah mulut penduduk kota, pindah daripada satu pelukan ke satu pelukan, pindah daripada satu kota ke kota yang lain, mencari sesuap pagi sesuap petang dengan jalan yang sangat hina, supaya di negeri yang baru itu ia dipandang orang baru, sehingga sudah seluruh tanah jawa dijalaninya, tentu saja hal ini akan memberi malu anaknya sehingga ia tidak sanggup melihat wajah orang kalau orang lain tahu. Bertambah pula cintanya kepada anaknya, apabila dibacanya dalam suatu iklan di dalam surat khabar bahawa anaknya telah bertunangan dengan seorang perempuan terpelajar tinggi dan berbangsa tinggi pula sehingga bertambah berdiri wajah anaknya di ruang matanya.

(*Novel Terusir* 2020: 82)

#### 4.7 KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini melihat hasil analisis melalui dua karya terpilih yang dipilih pengkaji iaitu Novel Terusir karya Hamka dan Novel Penulis Yang Disayangi Tuhan karya Bahruddin Bekri. Dapatan kajian yang diperoleh adalah selaras dengan penggunaan teori, unsur dan prinsip yang dipilih oleh pengkaji untuk diaplikasikan ke dalam kajian ini. Teori Konseptual Kata Kunci digunakan bagi melihat kebersamaan karya yang dipilih oleh pengkaji sama ada ia bersesuaian untuk menjawab segala persoalan dan objektif yang telah dibina.

## BAB 5

### 5.0 RUMUSAN

Melalui kajian yang dilakukan pengkaji dapat dilihat bahawa pengkaji ingin menyatakan bahawa tidak semua karya sastera tulisan seperti novel mampu dijadikan sebagai bahan rujukan dan alat pembelajaran dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana setiap novel yang dihasilkan tidak mengenakan standard piawaian syarat dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Oleh hal yang demikian, para guru dan masyarakat harus mendorong pembaca daripada kategori pelajar untuk membaca dan memilih novel-novel yang bersesuaian dengan tema. Selain itu juga penulis boleh memperbanyak lagi penulisan yang bagus dan berintegriti secara terus untuk disampaikan dalam sistem pendidikan agar mereka mampu mempelajarinya lebih awal.

Pembelajaran yang utama adalah bermula daripada sekolah. Bagi membentuk jati diri pelajar dan pembaca lebih awal, pengkaji menekankan untuk mendorong mereka sejak daripada sekolah lagi. Umum mengetahui bahawa pembelajaran sastera telah wujud lama dalam silibus pembelajaran yang dikenali sebagai KOMSAS. Namun kajian ini melihat sejauh mana karya sastera memberi inspirasi kepada pembaca khususnya pelajar untuk menjadikan diri mereka sebagai generasi yang mampu menjadi contoh di masa hadapan kelak. Dengan adanya karya pembacaan dan penghasilan novel yang bermutu untuk kalangan pelajar ini sedikit sebanyak memandu mereka ini berfikiran secara matang dalam menguruskan kehidupan kelak.

Karya Novel yang berbentuk percintaan merupakan karya yang terkenal di kalangan pelajar, setiap plot yang menarik dan dapat mempengaruhi pelajar akan memberi kesan yang kurang baik kepada pembaca. Oleh hal yang demikian, pengkaji cuba menganalisis karya novel yang bersesuaian yang mana menghasilkan melalui tema-tema yang dapat memberi gambaran kepada pelajar dan pembaca untuk berbakti dan memberi contoh yang terbaik untuk masa hadapan mereka. Bukan semata hanya untuk mereka baca dan tinggalkan pada era atau zaman pendidikan mereka. Dengan ilmu yang difahami, dibaca dan dihayati dapat melahirkan generasi muda yang berani menonjolkan diri dalam mencintai bahasa apabila mereka mempraktikkannya dengan benar.

Selain itu juga, perkaitan yang ingin di tunjukkan oleh pengkaji melalui karya sastera adalah melihat kepada penghasilan atau pemilihan karya sastera dalam institusi pendidikan sama ada dalam bentuk memberi pendidikan yang realiti atau hanya banyak tentang peristiwa yang melalaikan seperti fantasi dan hanya berbentuk percintaan yang tidak memberi apa-apa nilai dan pengajaran di dalamnya. Oleh hal yang demikian, unsur-unsur pendidikan yang terdapat di dalam novel Terusir karya Hamka dan novel Penulis yang disayangi tuhan karya Bahruddin Bekri banyak melihatkan unsur pendidikan yang dan nilai kemanusiaan yang sering kali terjadi dalam dunia realiti. Selain itu, unsur-unsur pendidikan yang wujud di dalam teks menjadikan pembaca teruja untuk membaca kerana ia sangat dekat dengan kehidupan pembaca. Oleh hal yang demikian, melihat kepada konsep dan gaya penyampaiannya yang telah dihasilkan oleh pengkarya, konsep konseptualisasi yang dekat dengan unsur ekstrinsik yang wujud dalam diri pengarang. Ia jelas bahawa konsep konseptualisasi sebagai suatu prinsip kepengaruan yang melibatkan kehidupan atau idea pengarang di dalam karya (Harry Marddox, 2015).

Selain itu, Pengkaji melihat dan menganalisis berdasarkan objektif kajian yang menggunakan unsur-unsur yang dipilih sebagai perkara utama. Ia juga selaras dengan penggunaan Teori Konseptual Kata Kunci bagi melihat dapatan kajian yang dikaji melalui dua novel yang telah dipilih pengkaji.

### **5.1 CADANGAN**

Berdasarkan kajian ini, terdapat beberapa cadangan yang ingin dikemukakan oleh pengkaji. Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah menjadikan subjek aliran kesusasteraan sebagai subjek teras menyeluruh dalam pendidikan. Jika sebelum ini subjek kesusasteraan hanya dijadikan sebagai subjek aliran yang hanya diambil oleh pelajar tingkatan 4 yang bermula daripada kelas belakang. Melihat kepada era globalisasi ini, bidang bahasa amatlah dapat permintaan tinggi dalam industri namun tidak ramai yang berkemahiran kerana masyarakat terdedah kepada bidang yang lebih praktikal dan mendapat tempat yang tinggi dalam bidang industri. Dengan memperbanyak pengetahuan berkenaan bidang kesusasteraan kepada pelajar, ia dapat melahirkan pelajar atau masyarakat daripada kalangan pembaca sebagai tenaga mahir yang mempunyai kemahiran menulis dan berkarya secara kreatif.

- 1) Individu: Berani menceburi bidang baharu sehingga memperoleh kejayaan.

Umum mengetahui bahawa, pembaca karya sastera yang ditekankan oleh pengkaji adalah melibatkan remaja dan pelajar sekolah yang sedang meningkat dewasa. Pembaca daripada kategori ini sememangnya mempunyai pemikiran yang masih belum terbuka dan matang berkaitan masa hadapan. Oleh hal yang demikian, bagi memastikan masyarakat melahirkan remaja yang mempunyai perwatakan yang baik dan pemikiran yang kreatif. Mereka sebagai individu generasi baharu harus memberanikan diri dalam menceburi bidang baharu khususnya di dalam bidang kesusasteraan ini. Pada era globalisasi ini bidang kesusasteraan amat mendapat tempat di industri. Hal ini kerana bidang ini banyak melahirkan pelbagai kemahiran yang bukan hanya sekadar membaca namun menulis juga.

Kemahiran menulis sememangnya bukan perkara yang mudah, namun jika bersungguh sungguh dalam mengembangkan bakat ia akan membawa kepada punca rezeki mereka. Berlakunya rebutan dan pihak industri untuk mengambil mereka bekerja kerana mereka mempunyai kemahiran yang lama dan fasih dalam penggunaan dan penyusunan tatabahasa dengan baik. Kesusasteraan merupakan bidang yang meluas bukan sahaja mempelajari dan mengkaji karya Melayu, malah karya-karya barat juga boleh diambil dan sangat berdaya saing di pasaran ketika ini.

- 2) Masyarakat: Mengaktifkan semula budaya tradisi lama seperti pembacaan cerita rakyat sebagai suatu bentuk sastera lisan.

Bagi mendepani karya sastera tidak terus hilang ditelan zaman, masyarakat sememangnya merupakan salah satu pihak yang penting untuk menggerakkan suatu bentuk gerakan yang mana dapat menjadi teladan kepada orang ramai. Semangat yang dibawa bersama-sama masyarakat dalam mendepani kehilangan warisan ini amat diperlukan. Perbezaan antara masyarakat lama dan baru juga harus disangkal dan disatukan bagi menyelesaikan isu seperti ini. Masyarakat lama banyak pengalaman yang mereka dapat sumbangkan dalam memastikan karya-karya sastera kekal terjamin manakala masyarakat baru kategori belia boleh memberi pelbagai idea yang kreatif untuk menyelesaikan isu yang kerap kali berlaku di dalam permasalahan bidang kesusasteraan.

Masyarakat pada masa kini seharusnya mengetahui dan menggunakan semula karya-karya kesusasteraan dengan bertujuan untuk menampilkan dan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingang ilmu kesusasteraan di dalam

kehidupan mereka. Penggunaan bahasa Melayu yang tinggi penuh adab sopan dalam kalangan generasi muda dapat melahirkan masyarakat yang berketerampilan dan memiliki pemikiran yang matang. Salah satu contohnya ialah kembalikan semula budaya membaca karya sastera lisan seperti cerita rakyat dan jenaka kepada masyarakat dengan mempelbagaikan corak penyampaian sama ada di dalam majlis, dalam bentuk pertandingan dan sebagainya. Ini dapat membantu masyarakat prihatin terhadap kepentingan kesusasteraan ke dalam diri mereka.

### 3) Kerajaan menggalakkan masyarakat menggunakan bahasa ibunda.

Umum mengetahui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama telah kerap digalakkan oleh semua pihak. Namun begitu, penghayatan yang berkurangan dan kesedaran terhadap kepentingan memartabatkan bahasa amat sikit daripada masyarakat. Hal ini kerana gaya terkini yang lebih maju dengan menggunakan pelbagai bahasa luar sebagai utama dianggap sebagai masyarakat yang cerdik pandai. Hal ini jelas menjadikan penggunaan bahasa Melayu dalam generasi muda amat berkurangan kerana wujudnya perspektif seperti ini. Sekian itu, dapat dilihat juga melalui pihak kerajaan yang kurang memberi penekanan dalam penggunaan bahasa Melayu dalam perbualan. Ini jelas dapat dilihat apabila ramai pemimpin menggunakan bahasa lain seperti inggeris di dalam persidangan antarabangsa yang melibatkan negara luar. Seharusnya kerajaan menjadi contoh kepada masyarakat untuk memulakan penggunaan bahasa ibunda di mana-mana. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan perlu bertungkus lumus untuk menekankan tentang kepentingan bahasa Melayu agar karya-karya sastera dapat dihargai oleh masyarakat.

## 5.2 PENUTUP

Kesimpulannya hasil kajian yang dilakukan telah dapat menjawab ketiga-tiga objektif yang dibina berdasarkan tajuk kajian. Oleh hal yang demikian, dapat dilihat terdapat tiga unsur pendidikan yang digunakan pengkaji bagi mengahsilkan kajian ini. Setiap unsur pendidikan yang digunakan mempunyai prinsip yang tersendiri selaras dengan penggunaan Teori Konseptual Kata Kunci yang digunakan oleh pengkaji. Kesan yang diperolehi adalah melihat kepada bukan sahaja kepada hasil pembacaan namun ketetapan tema penulis dalam menyampaikan cerita. Selain itu, kajian ini dilakukan untuk menggalakkan lebih ramai pelajar untuk mempelajari subjek

kesusasteraan sebagai pilihan pertama mereka. Selain itu juga menapis karya-karya novel yang bersesuaian yang dapat memberi impak positif kepada diri pelajar. Hal ini kerana bagi memastikan pelajar mempunyai jati diri yang baik dan dapat melahirkan ramai lagi tenaga mahir dalam bidang kesusasteraan. Manfaat yang diperoleh bagi menceburii bidang ini adalah mereka dapat menguasai tatabahasa dengan mahir dan dapat membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan sebagai penulis, editor, jurubahasa dan sebagainya. Hasil daripada dapatan kajian yang dibuat melalui analisis novel terpilih mendapat terdapat banyak karya yang boleh memberi didikan kepada pembaca untuk menjadi sebagai idola mereka dalam menulis dan sebagainya. Akhir sekali, kajian juga dapat mencapai objektif yang dibina dengan melihat unsur-unsur pendidikan dan kepengarangan sebagai kunci pada kajian.

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Othman, M. K. B. H. Penerapan nilai murni dalam pengajaran dan hubungannya dengan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah.
- Selamat, J. H. (2001). *Cerminan sosial dan nilai murni dalam novel-novel remaja* (Doctoral dissertation, Universiti Putra malaysia).
- Omar, A. H. (2015). Nilai murni dalam sastera remaja memupuk kecintaan terhadap negara. *Rumpun jurnal persuratan melayu*, 3(1), 128-152.
- Hartati, M., & Wulan, A. P. (2016). Analisis Nilai Moral Yang Terkandung Dalam Novel Ayat Ayat Cinta Karya Habiburrahman El Shirazy. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 5(1), 138-151
- Ibrahim, A. R. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap,Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah . *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Peng, C. F. (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu* .
- Ramli, F. N. (2018). Pendidikan Satera Melayu Memperkuuh Pembinaan Karakter Pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*.
- Ali, T. I. M. T. M., & Mamat, M. (2017). Program kesusasteraan Melayu di akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan dan cabaran. *Jurnal Melayu*.
- Mahamod, Z., & Roni, N. S. (2013). Tahap kemahiran generik pelajar dalam pembelajaran kesusasteraan melayu. *Sains Humanika*, 64(1).
- Peng, C. F. (2009). Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan Kesannya (Literature Education for Unity Through KOMSAS in FORM 4: Implementation and Implications). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 34(2), 15-31.
- Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2018). Pendidikan Sastera Melayu memperkuuhkan pembinaan karakter pelajar. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 1-14.